

BAB KETIGA

BAB KETIGA

HUKUM PENGABAIAAN SOLAT FARDU MENURUT PANDANGAN FUQAHĀ'

3.1 Pendahuluan

Persoalan tentang ibadat solat dan soal-soal yang berkaitan dengannya telah banyak diperbahaskan oleh para *fuqahā'* dalam pelbagai aspek sama ada yang menyentuh mengenai sifat dan kelakuan solat, hukum-hukum yang berkaitan dengan solat, kaedah dan tatacara pelaksanaan ibadat solat itu sendiri.

Sebenarnya, perbincangan-perbincangan yang berkisar tentang masalah solat itu tidaklah tertumpu di atas kedudukannya sebagai jalan peribadatan semata-mata malah lebih dari itu persoalan solat itu dilihat dalam skop yang lebih luas kerana ia berkaitan dengan soal dan cara penghidupan seseorang yang mengakui dirinya sebagai seorang muslim yang beriman kepada perintah Allah Ta'ala. Justeru, adalah wajar sekali solat itu dijadikan sebagai garis sempadan dan ukuran untuk membezakan status hidup seseorang sama dia adalah seorang yang patuh beriman kepada Allah atau sebaliknya.

Untuk menjelaskan hakikat ini, Syariat Islam telah pun meletakkan martabat solat sebagai rukun Islam yang kedua selepas daripada melafazkan Syahadah. Justeru, keislaman seseorang itu hanya akan diiktiraf apabila dia mendirikan solat serta melaksanakan rukun-rukun Islam yang lain.

Sebaliknya orang-orang tidak mendirikan solat , mereka masih belum dianggap sebagai seorang Islam yang sebenar meskipun mereka telah melafazkan ikrar Syahadah kerana mereka tidak melaksanakan sebahagian dari tuntutan Syahadah itu sendiri iaitu mengerjakan solat .

Akan tetapi , keadaan pada hari ini memperlihatkan bahawa ramai di antara masyarakat Islam yang tidak menjunjung perintah solat sebagai melaksanakan kewajipan rukun Islam yang kedua .Sebagai buktinya , kita dapat melihat betapa ramai umat Islam yang meninggalkan solat sama ada mereka itu remaja atau orang dewasa sendiri .Dalam pada itu , kita dapat memerhatikan gelagat orang-orang yang mengerjakan solat itu dengan pelbagai ragam dan gaya . Ada di antara mereka yang terus menerus mengerjakan solat atau kadang-kadang sahaja bersolat dan kadang-kadang tidak dan ada yang terus meninggalkan solat¹ .

Melihat kepada fenomena yang sedang berlaku ini , maka penulis menjadikan permasalahan ini sebagai landasan teori untuk menjelaskan hakikat dan hukum pengabaian solat di kalangan umat Islam menurut pandangan para *fiqahā'* dan sarjana-sarjana Islam . Adalah diharapkan dengan penulisan dan kajian yang dibuat ini akan dapat membantu masyarakat Islam untuk mereka memahamkan masalah pengabaian solat yang berlaku di kalangan masyarakat Islam hari ini terutama yang membabaitkan golongan belia dan remaja Islam ketika ini .

¹ Amran Kasimir. (1992) , *Bagaimana mencegah kejahatan melalui Sembahyang* , c.1. Kuala Lumpur : Dinie Publishers , h. 168.

3.2. Pengertian Solat

3.2.1 Pengertian Solat menurut Bahasa

Menurut bahasa ‘Arab , perkataan solat adalah kata nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja (*fī’l*) ; *sollā* , *yusollī* , *solātan* yang bererti *al-doa*² , *al-rahmah* , *al-istighfār* dan *al-barakah* . Jama’nya ialah *al-solawāt*³ . Dalam bahasa Melayu , solat diertikan sebagai sembahyang iaitu perbuatan menyembah Allah dan secara khususnya ia dilaksanakan di dalam Solat Fardu yang lima⁴ .

Para ulama’ telah berselisih pendapat di dalam menentukan erti yang asal bagi perkataan solat . Sebahagian dari mereka berpendapat bahawa perkataan *al - solat* bermaksud *al-rukū’ wa al-sujūd* iaitu ruku⁵ dan sujud sementara pendapat yang lain mengatakan bahawa *al-solat* ialah *al-doa* iaitu doa . Pendapat yang lebih *rājih* ialah *al-solat* dengan erti *al-doa* kerana perkataan solat itu sendiri termasuk di dalam pengertian doa iaitu memohon limpahan rahmat daripada Allah⁵ sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah Ta‘ala di dalam ayat yang berikut :

وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنْ صَلَّاكُنَّ سَكُنْ لَهُمْ

“ Dan doakanlah untuk mereka , kerana sesungguhnya doa mu itu menjadi ketenteraman bagi mereka “

al-Taubah (9) : 103

² al-Imām Muhammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzi (2000) , *Muhktār al-Sahāh* , c.1 . Kaherah : Dār al-Hadīth , h . 207 .

³ Sa’īd Abū Jayb (1998) , *al-Qāmūs al-Fiqhī - Lughah wa Istilāh* , c. 2 . Damsyiq : Dār al- Fikr , h . 216 .

⁴ Teuku Iskandar (1996) , *Kamus Dewan* , edisi ketiga , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h . 1229 .

⁵ al-‘Allāmah al-Syaykh ‘Alī bin Ahmad al-Jurjāwī al-Athārī al-Hanbalī (1999) , *Hikmah al-Tasyrī wa Falsafah - Sulūk wa ‘Ibādāt wa Mu‘āmalāt* , c.1 . Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah , h . 48 .

Di dalam al-Qur'ān al-Kārīm , lafaz *al-solat* digunakan untuk menunjukkan dua pengertian yang berbeza sama ada untuk menerangkan maksud solat itu sendiri iaitu Solat Fardu yang lima atau maksud- maksud yang lain selain dari erti Solat Fardu⁶. Penggunaan lafaz – lafaz *al-solāh* untuk menerangkan erti – erti yang selain dari erti solat boleh dilihat penggunaannya di dalam kebanyakan ayat – ayat al-Qur'ān dan di antara contohnya ialah seperti yang ditunjukkan oleh ayat - ayat yang berikut :

1. *al-Solat* yang memberi erti *al-maghfirah* seperti firman Allah di dalam ayat berikut⁷ :

أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّنْ رَبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ

“ Mereka itu ialah orang- orang yang dilimpahi dengan berbagai – bagai kebaikan dari tuhan mereka serta rahmatnya “

al-Baqarah (2) : 157

2. *al-Solat* yang membawa erti *al- 'ibādah* seperti firman Allah di dalam ayat yang berikut⁸ :

وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمْ عِنْدَ النَّبِيِّ إِلَّا مُكَاءٌ وَتَصْدِيَّةٌ

“ Dan tiadalah sembahyang mereka di sisi baitullah itu melainkan bersul- siul dan bertepuk tangan. ”

al-Anfāl (8) : 35

⁶ Ali Mursi (2001) , *Qabs min hady al-Solat* , c.4. Kāherah : Dār al-Hudā , h.256.

⁷ al- Imām al - Tabarī (1992) , *Tafsīr al-Tabarī* , j. 2 , c.1 Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah , h. 45.

⁸ Ali Mursi (2001) , *op. cit .* h. 256.

3. al-Solat dengan pengertian *al-Qirā'ah* seperti firman Allah di dalam ayat yang berikut⁹:

وَلَا تُجْهِرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَأْبْيَغْ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا

“Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa (atau sembahyang mu) , juga janganlah engkau perlakukan dia dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana untuk itu ”.

al-Isrā’ (17) : 110

Dalam aspek menerangkan erti solat pula , al-Qur’ān tidak sahaja menggunakan lafaz – lafaz al-solat itu sendiri bahkan juga al-Qur’ān menggunakan lafaz - lafaz yang lain . Tujuannya ialah untuk menunjukkan erti yang terkandung di dalam perkataan solat itu serta hubungannya dengan lafaz – lafaz yang lain yang mempunyai maksud dan pengertian yang sama . Di antara lafaz – lafaz tersebut adalah seperti yang ditunjukkan oleh ayat- ayat yang berikut :

1. Lafaz *al-dhikr* untuk menerangkan erti dan maksud *Solat Jumaat* seperti yang terkandung di dalam ayat yang berikut¹⁰:

فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ

“Maka bersegeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat)”

al-Jumu‘at (62) : 9

⁹ Sa‘id Hawā (1991) , *al-Asās fī al-Tafsīr* , j.6 , c. 3. Kaherah : Dār al-Salām , h. 3138 .

¹⁰ al-Saykh Ahmad al-Sāwī al-Mālikī (1999) , *Hāsyiyah al-Sāwi ‘alā Tafsīr al-Jalālayn* , j. 4 , c. 1 Beirut : Dār al-Fikr , h. 267 .

2. Lafaz *al-rukū'* yang membawa erti *al-solat* seperti yang diterangkan di dalam ayat yang berikut¹¹ :

وَارْكِمُوا مَعَ الْأَرَاكِبِينَ

"Dan ruku'lah kamu semua bersama orang – orang yang ruku'".

al-Baqarah (2) : 43

3. Lafaz *al-sujūd* iaitu *al-sājidīn* yang merujuk kepada orang – orang yang mengerjakan solat seperti yang diterangkan di dalam ayat berikut¹² :

وَتَقْلِبُكُمْ فِي السَّاجِدِينَ

" dan (melihat) gerak geri mu di antara orang – orang yang sujud"

al-Syu 'arā' (26) : 219

4. Lafaz *al-Qur'ān* yang menunjukkan erti *Solat Subuh* seperti yang diterangkan di dalam ayat yang berikut¹³:

إِنَّ قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُورًا

" Sesungguhnya sembahyang subuh itu adalah disaksikan (keistimewaananya) "

al-Isrā' (17) : 78

¹¹ Wahbah al-Zuhaylī (1991) , *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syā'i'ah wa al-Manhaj* , j. 1, c. I. Damsyiq : Dār al – Fikr , h. 148.

¹² al-Saykh Ahmad al-Sāwī al-Mālikī (1999) , *op . cit .*, j. 3 , h. 227 .

¹³ *op . cit .* , j. 2 , h. 445 .

Berdasarkan kepada erti dan takrif solat seperti yang dikemukakan di atas , dapatlah dibuat suatu kesimpulan bahawa perkataan solat seperti yang diungkapkan oleh al-Qur'ān tidaklah terbatas maksud dan penggunaannya untuk menerangkan konsep dan perlakuan ibadat orang – orang Islam semata-mata iaitu perbuatan menyembah Allah bahkan lebih dari itu perkataan solat itu digunakan untuk menunjukkan pelbagai maksud dan hikmah Syāra' di sebalik perkataan dan nama solat sebagai suatu bentuk dan jalan peribadatan orang – orang Islam kepada Allah S.W.T.

Justeru , para ulama' berpendapat bahawa menggunakan perkataan solat dalam aspek menerangkan erti dan konsep *ta'abbud* kepada Allah itu lebih menepati dengan kehendak dan matlamat Syāra' berbanding perkataan sembahyang kerana di dalam perkataan solat itu terkandung erti membesarakan Allah , berserah diri kepada-Nya dan memohon limpahan rahmat daripada-Nya . Adapun perkataan sembahyang , maka ia tidaklah memberi apa – apa maksud selain dari namanya sahaja kerana sembahyang boleh *diitlagkan* erti dan penggunaannya sama ada untuk menamakan bentuk ibadat orang – orang Islam atau ibadat orang - orang bukan Islam dalam bentuk pengertiannya yang umum ¹⁴.

¹⁴ Hasbi Ash Shiddieqy (1994) , *Pedoman Solat* , c . 5 . Batu Caves : Thinkers Library Sdn . Bhd . , h . 65 .

3.2.2. Pengertian Solat menurut istilah Fiqh .

Menurut istilah Fiqh , para *fuqahā'* telah mengemukakan pelbagai definisi tentang takrif solat . Tetapi pada garis kasarnya , takrif tersebut dapat dibahagikan kepada tiga pengertian utama¹⁵:

1. Para *fuqahā'* yang melihat solat dari aspek rupa lahirnya sahaja , mereka telah membuat definsi tentang solat seperti yang berikut : “ *Solat ialah ibadat yang terdiri dari perbuatan dan perkataan yang tertentu , yang dimulai dengan takbir bagi Allah dan disudahi dengan salam.* ”
2. Para *fuqahā'* yang melihat solat dalam rupa bentuk yang batin sahaja . Mereka memberikan takrif solat seperti yang berikut :“ *Solat ialah berhadap hati kepada Allah S.W.T. secara yang boleh mendatangkan takut kepada-Nya dan menumbuhkan di dalam hati rasa keagungan-Nya serta kesempurnaan kekeuasaan-Nya .* ”
3. Para *fuqahā'* yang menggabungkan kedua- dua pengertian tersebut . Mereka merumuskan erti solat seperti yang berikut : “ *Solat ialah melahirkan hajat dan keperluan kita kepada Allah yang kita sembah dengan perkataan dan pekerjaan atau kedua- duanya .* ”.

Berdasarkan kepada ketiga – tiga definisi solat seperti yang dikemukakan di atas , didapati hampir kebanyakkan para *fuqahā'* banyak mengemukakan defenisi solat seperti yang disebutkan di dalam takrif yang

¹⁵ Syahmin Zaini (1990) , *Untuk apa seorang muslim solat* , c. 2 Jakarta : Kalam Mulia , h. 2.

pertama iaitu mereka menetapkan bahawa takrif solat itu adalah mencangkupi hal - hal yang berkaitan dengan rupa dan bentuk lahir sahaja tetapi tidak dikaitkan dengan hal- hal yang berhubungan dengan hakikat dan roh solat itu sendiri.

Ada pun pemahaman solat dari sudut hakikat dan ruh solat maka para ulama' berpendapat bahawa hakikat dan jiwa solat itu adalah amalan- amalan yang berkaitan secara langsung dengan pekerjaan hati seperti menghadirkan ke dalam hati perasaan ikhlas , takut , *tawādu'* , *khusyū'* dan penyerahan diri yang sepenuhnya kepada Allah semasa mengerjakan solat¹⁶ . Kesemua unsur - unsur ini dianggap sebagai maksud sebenar tentang erti solat dari sudut hakikat dan ruh solat .

Oleh yang demikian , seseorang yang mengerjakan solat itu hendaklah mengambil kira kedua – dua unsur yang terkandung di dalam perlakuan dan perbuatan solat sama ada yang menyentuh perbuatan zahir solat atau pun perbuatan batin solat . Kedua – dua bentuk perbuatan ini hendaklah dilaksanakan dengan sebaik- baiknya di dalam rukun – rukun solat sama ada yang berkaitan dengan rukun *fi'yi* , rukun *qawlī* dan rukun *qalbī* . Rukun *fi'yi* adalah bentuk- bentuk perbuatan yang dilakukan oleh anggota yang zahir seperti berdiri , ruku' , sujud dan lain- lainnya. Sementara rukun *qawlī* pula adalah ucapan zahir yang diucapkan di dalam solat seperti membaca doa *Takbīrah al-Ihrām* , *Fātihah* , *Tahiyyāt* dan memberi Salam . Manakala rukun *qalbī* ialah seperti niat , ikhlas dan khusyu' merupakan perbuatan batin solat

¹⁶ Syed Hamid al-Habsyi (1993) , *Penghayatan Solat –Pengertian tentang Sembahyang* . c 1 Kuala Lumpur : Pustaka Antara , h . 43 .

yang dilakukan oleh hati . Jalinan di antara ketiga- tiga rukun solat ini akan menerbitkan suatu bentuk perhubungan yang ideal di antara Allah S.W.T. dengan manusia dan perhubungan di antara manusia sesama manusia yang disebut dengan istilah *hablum min - Allāh wa hablum min al-Nās* .

3.3. Martabat Solat Fardu menurut Syariat Islam .

Solat ialah ibadat yang paling tua dan dikenali bersama- sama dengan iman . Tiap – tiap Syariat ada mempunyai ibadat solat . Di dalam al-Qur’ān al-Karīm , Allah S.W.T. mensyariatkan solat sebagai suatu ibadat yang paling utama bagi nabi- nabi dan rasul- rasul yang terdahulu ¹⁷ . Di antara lainnya ialah yang berkenaan dengan solat Nabi Ibrahīm a. s. seperti yang ditunjukkan oleh firman Allah di dalam ayat yang berikut :

رَبَّنَا لِيَقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْنِدَةً مِنَ النَّاسِ تَهْرِي بِإِلَيْهِمْ وَأَرْزُقْهُمْ مِنَ النَّرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ

يَشْكُرُونَ

“ Wahai Tuhan Kami ! (Mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat) . Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka , (supaya datang beramai- ramai ke situ) dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah- buahan dan hasil tanaman , semoga mereka bersyukur . ”

Ibrāhīm (14) : 37

¹⁷ Haron Din (1989) , *Manusia dan Islam* , c 4. Shah Alam : Hizbi Marketing Sdn. Bhd . h. 114

Di sisi Syariat Islam , Solat Fardu merupakan rukun Islam yang kedua selepas daripada mengucapkan kalimah Syahadah. Ini bermakna ibadat solat adalah ibadat yang paling utama berbanding ibadah- ibadah yang lain kerana dengannya seseorang hamba menumpukan sepenuh hati dan pemikiran serta jiwa raganya dalam melakukan pengabdian kepada Allah . Al-Qur'ān al-Karīm sahaja telah menyebut – nyebut perkataan solat tidak kurang daripada 117 kali¹⁸. Sebahagian daripada ayat- ayat tersebut menjelaskan perintah mendirikan solat dengan *sīghah* “ *aqīmi al-solāh* ” iaitu ia disebut sebanyak 5 kali manakala dengan *sīghah* “ *aqīmū al-solāh* ” sebanyak 13 belas kali¹⁹. Ayat- ayat al-Qur'ān yang menjelaskan tentang kedudukan solat ini pula diterangkan di dalam pelbagai bentuk dan tujuan sama ada dalam bentuk perintah yang tegas atau dengan memuji - muji orang yang mengerjakannya dan ada kalanya mencela mereka yang meninggalkan solat²⁰.

Rasulullah S.A.W. pula mengisyaratkan tentang keutamaan dan kepentingan solat di dalam banyak sabdanya . Di antara lain ialah Baginda S.A.W. menegaskan bahawa solat itu menjadi tiang agama dan sesiapa yang meninggalkannya maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan agama. Dengan demikian , dapat difahami bahawa perbuatan mengerjakan solat menjadi ukuran untuk menilai martabat keimanan seseorang kepada Allah Taala . Justeru , seseorang yang mengerjakan solat maka dia dianggap sebagai seorang yang beriman kepada Allah tetapi jika sebaliknya dia dianggap sebagai orang yang kafir dan ingkar kepada Allah S.W.T. Hal ini telah pun

¹⁸ Safwan Fathi (2000) , *Kemanisan Solat* , c.1. Kuala Lumpur : OMNO Enterprise , h. 30 .

¹⁹ Syahmin Zaini (1990) , *op. cit.* , h. 30 .

²⁰ Amran Kasimin (1992) , *op. cit.* , h. 7 .

dinyatakan dengan setegas-tegasnya oleh Rasulullah S.A.W. sebagaimana di dalam Sabdanya yang berbunyi :

العَهْدُ الَّذِي بَيَّنَا وَبَيَّنُوكُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

“ Janji yang mengikat antara kami dan mereka ialah solat , maka barangsiapa yang meninggalkan solat maka bererti dia telah kafir ”²¹

Bagi orang - orang yang beriman mereka mengerjakan solat sebagai memenuhi janji mereka kepada Allah S.W.T. Janji ini dibuat sewaktu manusia berada di alam arwah bahawa mereka berjanji untuk taat setia kepada Allah Ta'ala . Dengan melaksanakan janji ini manusia telah mencapai suatu kedudukan yang tinggi di sisi Allah S.W.T. sebagai makhluk yang terbaik dan termulia . Sebaliknya manusia yang tidak melaksanakan janji ini , mereka telah meletakkan martabat mereka di tempat yang sehina- hinanya sepertimana menurut firman Allah yang berbunyi :

إِنْ شَرُّ الدُّوَابِ عِنْدَ اللَّهِ الَّذِينَ كَفَرُوا فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

“ Sesungguhnya yang seburuk- buruk makhluk melata menurut Allah ialah orang- orang yang ingkar kerana tidak mahu beriman ”

al-Anfāl (8) : 55

Jelaslah , mengerjakan solat merupakan di antara sepenting - penting jalan yang akan membawa manusia kepada keselamatan hidup di dunia dan di akhirat . Justeru , melihat kepada peri pentingnya kedudukan solat di

²¹ al-Imām al-Mujtahid al-'Allāmāh Muhammad bin 'Alī al-Syawkānī (1996) , Nayl al-Awtār . Kitāb al-Solāh , Bāb Hujjah Man Kaffara Tārik al-Solāh , no. hadith 402

sisi Syariat Islam , maka Allah S.W.T. telah memberi amaran yang keras terhadap orang yang lalai atau meninggalkan solat. Berdasarkan kepada zahir nas , para ulama' berpendapat bahawa seseorang yang meninggalkan solat dengan sengaja maka dia jatuh kufur sebagaimana kufurnya orang kafir . Dengan demikian menjadi suatu kewajipan ke atas seseorang Islam yang telah *āqil -bāligh* sama ada lelaki atau perempuan untuk memelihara dan mengerjakan solat dengan apa juar dan keadaan sekali pun .

3.4. Kepentingan mendirikan Solat dan faedahnya.

3.4.1. Kepentingan peribadi

Islam telah menyebut tentang kepentingan solat di dalam pelbagai segi dan aspek hidup manusia. Di antaranya ialah ia menjadi sebahagian dari sifat orang – orang yang bertaqwa yang memperlengkapkan diri mereka dengan sifat- sifat yang terpuji . Hakikat ini telah pun diterangkan oleh Allah S.W.T. di dalam surah al-Baqarah ayat 1 hingga 5.²²

Dalam aspek yang lain , al-Qur'ān menerangkan bahawa ibadah solat yang dikerjakan semata – mata kerana Allah boleh membersih diri seseorang dan mengawal dirinya daripada terjerumus ke lembah kehinaan serta naluri-naluri yang yang tidak sihat sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah di dalam firman-Nya :

²² Haron Din (1989) , *op.cit.*, h.116.

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصُّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

“ Dan dirikanlah solat (dengan tetap) , sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar “

al-‘Ankabüt (29) : 54

Di samping itu , seseorang yang sentiasa bersolat akan merasa gerun dan bertambah imannya apabila berhadapan dengan Allah sekurang-kurangnya sebanyak lima kali sehari semalam .Iman yang tertanam di dalam jiwa itulah yang akan memeliharanya daripada mengerjakan kejahatan dan kemungkaran . Sebaliknya , orang yang meninggalkan solat akan lebih cenderung untuk melakukan setiap kejahatan yang dibawa oleh hawa nafsunya bahkan ia bakal menjadi ahli neraka sepertimana menurut firman Allah Ta‘ala yang berbunyi ;

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ حَلْفٌ أَضَاغُرُوا الصُّلَاةَ وَأَبْعَدُوا الشَّهُورَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ عَيْ

“ Kemudian mereka digantikan oleh keturunan- keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat) ; Maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka) .”

Maryam (19) : 59

Untuk melahirkan tujuan dan falsafah solat seperti yang dinyatakan di atas , seseorang itu hendaklah mengerjakan solat dengan sebaik- baiknya tidak sahaja dengan cara menyempurnakan rukun- rukun solat seperti berdiri , ruku‘ , sujud dan membaca ayat – ayat bahkan lebih dari itu seseorang itu perlu melaksanakan syarat- syarat penerimaan solat itu sendiri seperti

mewujudkan rasa takut , ikhlas hati dan *khusyū'* kepada Allah Ta'ala agar solat yang dikerjakan itu akan diterima di sisi Allah Ta'ala .

3.4.2. Kepentingan masyarakat.

Sesetengah orang menganggap bahawa solat itu adalah sebagai ibadat perseorangan sahaja . Namun , apa yang sebenarnya solat itu merupakan juga ibadat kemasyarakatan kerana ia dapat memupuk semangat perpaduan , kerjasama dan persaudaraan di kalangan masyarakat Islam .

Untuk melahirkan matlamat ini , maka Allah Ta'ala telah mewajibkan ke atas orang – orang Islam supaya mereka mendirikan Solat Fardu secara berjemaah ²³. Amalan Solat Fardu yang dilaksanakan secara berjemaah ini akan dapat memberi peluang serta membuka jalan di kalangan masyarakat Islam untuk memperdalamkan lagi semangat persaudaraan dan kesedaran di kalangan mereka .

Di samping itu , amalan Solat Fardu yang dikerjakan secara jemaah juga akan dapat memupuk dan membentuk sifat - sifat kepimpinan dan jatidiri seseorang muslim . Sifat kepimpinan ini adalah terhasil daripada ciri – ciri kepimpinan seseorang imam yang dilantik di dalam solat jemaah itu . Ini adalah kerana konsep imam dalam sembahyang jemaah tidak sahaja memberi maksud terhadap mereka yang memegang jawatan tersebut bahkan istilah imam itu adalah meliputi hal- hal yang lebih luas termasuklah perkara – perkara yang di luar daripada solat seperti yang diungkapkan oleh al-Imām al-Mawardi , “

²³ *Ibid* ., h. 117

kepimpinan dalam Islam adalah mencangkupi kepimpinan agama dan kepimpinan siasah dan imam dalam konteks ini adalah ketua negara”²⁴.

Selain itu , suatu hal yang nyata dapat dilihat melalui amalan solat jemaah ini ialah pembentukan sikap berdisiplin dan bertanggungjawab di kalangan individu muslim sama ada kepada diri sendiri bahkan kepada seluruh anggota masyarakat . Sikap ini dapat dipupuk apabila setiap kali kita hendak bersolat maka imam akan mengajar dan mengarahkan kita supaya memperbetulkan saf . Arahan ini mengajar seseorang yang mahu bersolat supaya tidak bersikap mementingkan diri sendiri atau tidak memperdulikan orang lain terutama orang yang paling hampir dengan kita seperti jiran atau orang- orang yang sekampung. Begitu juga , dengan kita melihat ke kanan dan ke kiri sewaktu hendak memperbetulkan saf kita akan dapat mengesan sesiapa yang hadir atau tidak ke masjid.

Sikap mengambil berat yang terpupuk ini akan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang penuh dengan kasih sayang , harmoni serta aman damai . Sikap yang seperti ini akan hanya dapat dilahirkan melalui orang yang mengerjakan solat sahaja dan dengan sebab inilah Islam telah menjadikan solat sebagai rukun yang utama terhadap cara penghidupan manusia sesama mereka.²⁵

²⁴ Dr. Abd. Monir Yaacob (t. t.), “ Ciri – Ciri Dinamis dalam tuntutan Sembahyang ” , dalam Siti Fatimah Abdul Rahman *et al.*(ed) , Islam : Penyelesaian Permasalahan Zaman Moden , (t.p.) , h.11.

²⁵ Wan Ismail Wan Jusoh (1999) , *Koleksi Ucapan Rasmi –Yab . Tuan Guru Dato’ Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat , Menteri Besar Kelantan* , c. 1. Kota Bharu : Dian Darulnaim Sdn. Bhd , h. 265 .

3.5. Hukum mendirikan Solat menurut Syariat Islam .

3.5.1 Erti mendirikan Solat

Perintah mendirikan solat sebagaimana yang disebutkan di dalam al-Qur'an tidaklah dinyatakan hanya dengan menggunakan suatu lafaz tertentu sahaja bahkan al-Qur'an menerangkan perintah mendirikan solat dengan pelbagai *sīghah* dan lafaz . Dalam konteks menerangkan perihal dan kelakuan orang- orang mu'min mendirikan solat , al-Qur'an menggunakan lafaz *iqāmah al-solāh* sebaliknya bagi orang- orang munafiq , al-Qur'an menggambarkan perlakuan solat mereka dengan lafaz *al-sahwu 'an al-solāh* yang bererti kelalaian mengerjakan solat²⁶ .

Untuk menerangkan erti dan konsep *iqāmah al-solāh* dengan lebih mendalam maka al-Qur'an menggunakan pelbagai lafaz yang menjurus secara langsung kepada perintah mendirikan solat dan di antara lafaz – lafaz tersebut ialah seperti lafaz *aqāma* , *aqīmī* , *aqīmū* , *yuqīmūn* .

Menurut pengertian para *fujahā'* , konsep *iqāmah al-solāh* seperti yang dinyatakan oleh al-Qur'an tidaklah bermaksud mendirikan solat semata - mata tetapi maksudnya yang sebenar ialah mengerjakan solat sebagaimana menurut aturan yang telah ditentukan oleh Allah dan Rasul²⁷ iaitu menyempurnakan segala kewajipan dan rukun – rukun solat .

²⁶ 'Abd al- Hafīm Mahmūd (1989) , *al- 'ibādah Ahkām wa Asrār* , j 4 Kaherah Dār al-Kitāb al-Misri , h.226 .

²⁷ *ibid* , h.227 .

Menurut Ibn ‘Abbās mendirikan solat itu ialah menyempurnakan *rukū’*, *sujūd*, *tilāwah*, *khusyū’* dan menghadapi solat dengan sempurnanya²⁸. Ibn Qatādah pula berkata mendirikan solat ialah memelihara waktu-waktunya, wudu’nya, rukunnya dan sujudnya sementara al-Imām Ibn Kathīr menerangkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan erti mendirikan solat ialah mengerjakan segala rukun-rukun solat²⁹.

Tegasnya, apa yang dimaksudkan dengan erti mendirikan solat ialah mengerjakan solat sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah iaitu dengan cara memelihara waktunya, menyempurnakan wudu’ dan melaksanakan setiap rukunnya dengan sebaik-baiknya seperti menyempurnakan berdiri, *rukū’*, *i’tidal*, *sujūd*, duduk antara dua sujud dan sebagainya. Dengan cara ini maka seseorang itu akan dapat merasai kebesaran Allah dan kemuliaan-Nya semasa mengerjakan solat.

3.5.2 Hukum dan kewajipan mendirikan Solat

Para ulama’ Islam telah berijma’ tentang kefarduan solat dan ia merupakan suatu kewajipan yang tidak perlu diperjelaskan lagi hukumnya di kalangan orang-orang Islam. Orang yang mengingkari kewajipannya adalah jelas menjadi kafir dan keengganannya melaksanakannya pula dianggap sebagai murtad dari agama Islam.

²⁸ al-Imām al-Tabarī (1992), *op. cit.* , j.1 , h. 136.

²⁹ al-Imām al-Hāfiẓ Abi al-Fidā’ Ismā’īl Ibn Kathīr al-Qursyī al-Damsyiqī (t.t.), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* , j. Beirut Dār al-Jayl , h. 41.

Secara khususnya , ibadat solat diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang telah *mukallaf* sama ada lelaki atau perempuan seperti yang dinyatakan oleh Allah Ta'ala di dalam ayat yang berikut :

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَأْتُوا الزَّكَةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْرَّاكِبِينَ

" Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan ruku'lah kamu semua (berjemaah) bersama – sama orang yang ruku ' "

al-Baqarah (2) : 43

Namun demikian , Syariat Islam telah memberi beberapa pengecualian terhadap golongan yang tertentu dan di antara mereka ialah orang – orang yang seperti berikut:

1. Orang yang pengsan sehingga terluput waktu solat³⁰.
2. Kaum perempuan yang didatangi haid dan nifas³¹.

Adapun kanak- kanak , meskipun Solat Fardu tidak diwajibkan ke atas mereka disebabkan mereka belum mencapai taraf orang *mukallaf* , namun perintah mendirikan Solat Fardu diwajibkan ke atas penjaga mereka setelah mereka mencecah usia tujuh tahun . Seterusnya para penjaga hendaklah memukul mereka apabila mereka meninggalkan solat ketika mencapai umur sebelas tahun³² . Perintah ini diwajibkan agar kanak- kanak sudah

³⁰ *Mustafā al-Bughā et. al. (1996) , al-Fiqh al-Minhājī , j.1 , c. 2. Damsyiq : Dār al-Qalam , h. 113 .*

³¹ 'Abd al- Rahmān al- Jazīrī (t.t.) , *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah* , j. 1. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah , h. 443.

³² al-Sayyid Sābiq (1999) , *Fiqh al-Sunnah* , j. 1 , c. 2 , Kaherah : Dār al-Fath lil'ilām al- 'Arabī , h. 115 .

terbiasa untuk menunaikan solat apabila mereka mencapai usia remaja . Perintah ini adalah berdasarkan kepada hadis yang berikut :

مَرْوُاً أَوْلَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ إِذَا بَلَغُوا سِبْعًا، وَأَنْضِرُوهُمْ عَلَيْهَا إِذَا بَلَغُوا عَشْرًا، وَفَرَّغُوهُمْ فِي الْمُضَاجِعِ

" Rasulullah S.A.W. bersabda : Perintahkanlah anak-anak mu mengerjakan solat di kala mereka berumur tujuh tahun , dan pukullah mereka kerana tidak mengerjakannya di kala mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidurnya ." ³³

Untuk menjelaskan lagi tentang hakikat kewajipan dan kefarduan solat di sisi Syariat Islam maka Allah S.W.T. telah menjadikan solat itu sebagai satu rukun yang akan mengesahkan keislaman seseorang sesudah ia melafazkan Syahadah . Justeru , perintah mendirikan solat adalah sama sekali tidak boleh ditinggalkan melainkan jika terdapat keuzuran yang diharuskan di sisi Syāra' seperti terlupa atau tertidur. Sedangkan perintah puasa bulan Ramadhan boleh ditunda kepada masa yang lain sekiranya terdapat keuzuran . Begitu juga dengan ibadat zakat seperti zakat fitrah yang tidak dapat dikeluarkan sebelum sembahyang hari raya kerana tidak hadir harta fitrahnya boleh ditunda sehingga harta itu diperolehinya . Seterusnya ibadat haji juga diberi kelonggaran untuk menundakan pada waktu yang lain sehingga berkemampuan dan berkuasa mengerjakannya .³⁴

³³ al-Imām Abī al-Tayyib Muhammād Syams al-Haq al-‘Azīz Ābādī (1995) , ‘Awn al-Mā’būd Syarh Abī Dāwud . Kitāb al-Solāh , Bāb Matā yu’mar al-Ghulām al-Solāh , no hadith 491

³⁴ Haron Din (1989) , op. cit. , h. 119.

Adapun solat adalah sama sekali tidak boleh ditunda pada waktu yang lain bahkan ia wajib ditunaikan dalam apa jua keadaaan dan masa setelah masuk waktunya . Justeru , kefarduan solat itu adalah dikenakan ke atas setiap orang Islam sama ada sihat atau sakit , musafir atau bermuqim . Rasulullah S.A.W. mengisyaratkan bahawa hanya tiga golongan sahaja yang tidak berdosa meninggalkan Solat Fardu sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W. di dalam sabdanya ;

رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ ثَلَاثٍ : عَنِ النَّاَمِ حَتَّىٰ يَسْتَيقِظَ ، وَعَنِ الصُّبُّ حَتَّىٰ يَحْتَلِمُ ، وَعَنِ
الْمَجْنُونِ حَتَّىٰ يَعْقُلُ

*“Diangkat qalam dari tiga golongan ; orang tidur sehingga bangun ; dari anak kecil sehingga bermimpi ; dari orang gila sehingga sembuh dari gilanya .”*³⁵

3.6 Bahagian – bahagian Solat .

Menurut Mazhab Syāfi‘ī , Mālikī dan Hanafī ibadat solat pada garis kasarnya dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang utama ³⁶ :

Pertama : Solat Fardu ia disebut sebagai *al-Solāh al-mafrūdah* atau *al - Solāh al- Maktūbah* . Ia adalah Solat Fardu yang lima yang diwajibkan ke atas seseorang Islam yang *mukallaf* .

³⁵ al-Syawki (1996) , *op. cit* , Kitāb al-Solāh , Bāb Amr al-Sabiyyi bi al-Solāh Lā Wujūb , no hadith 416

³⁶ ‘Alī Muṣṭī (2001) , *op. cit* , h. 262

Kedua : Solat *al-Nāfilah* iaitu solat-solat yang tidak difardukan tetapi ia dituntut mengerjakannya sebagai solat tambahan selepas mengerjakan Solat Fardu . Ia disebut sebagai solat *al-sunnah* , *al-mandūb* atau *al-mustahab*³⁷ . Menurut al- al-Syaykh Islam Zakariyya al-Ansārī bahawa istilah *nāfilah* , *sunnah* , *tatawwu'* , *mandūb* , *mustahab* dan *marghūb fīh* adalah kata - kata yang memberi erti yang sama³⁸ . Namun menurut al-Imām al-Ghazālī³⁹ terdapat perbezaan di antara *sunnah* dan *mustahab* iaitu *sunnah* adalah solat - solat sunat yang banyak dikerjakan oleh Rasulullah S.A.W. seperti solat sunat *rawātib* dan solat *sunat tahajjud* . Manakala *mustahab* ialah solat - solat sunat yang tidak banyak dikerjakan oleh Rasulullah S.A.W. seperti solat sunat keluar dari rumah dan solat sunat musafir .

Selain dari dua bahagian solat seperti yang dinyatakan di atas , Mazhab Hanafī berpendapat bahawa terdapat satu lagi kategori dan jenis solat di sisi mereka iaitu apa yang mereka namakan sebagai *al-solāh al-wājibah* . Dengan demikian , ibadat solat menurut Mazhab Hanafī dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ; fardu , wajib dan *naflu* . Penjelasan setiap bahagian solat tersebut dapat diringkaskan sebagaimana berikut :

1. Solat Fardu ; ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Fardu ‘Aynī iaitu solat yang diwajibkan ke atas setiap *mukallaf* seperti Solat Fardu yang lima dan solat Jumaat. Fardu *Kifā'i* iaitu solat yang wajib dilaksanakan oleh segolongan umat Islam untuk menggugurkan dosa keseluruhan orang – orang

³⁷ Mustafā al-Bughā et. al. (1996) , op.cit , j. 1 , h. 213 .

³⁸ al-Imām Abī Zakariyya Yahyā bin Syaraf al-Nawawī (t.t.) , *Rawdah al-Tālibīn* , j. 3. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah , h. 429.

³⁹ al-Imām Abī Hāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī (1998) , *Iḥyā' 'Ulūm ad-Dīn* , j.1. Kaherah : Maktabah Misr , h. 252 .

Islam jika tidak terdapat segelintir di antara mereka yang mengerjakannya .

Contoh solat yang seperti ini ialah solat jenazah⁴⁰ .

2. Solat Wajib ; ia juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu *wājib 'aynī* iaitu solat yang diwajibkan mengerjakannya kerana tidak terdapat sebab – sebab yang tertentu seperti solat witir , solat sunat hari raya dan solat sunat sujud tilawah . Wajib yang kedua ialah *wājib liqhayrih* iaitu solat yang wajib ditunaikan dengan wujud sebab – sebab yang tertentu seperti solat sujud sahwī dan solat sunat tawaf⁴¹ .

3. Solat *al-Naflu* iaitu solat- solat sunat yang tidak wajib dikerjakan tetapi jika dikerjakan seseorang itu akan dapat menampung kekurangan solat fardū . Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu solat sunat *mu'akkad* dan tidak *mu'akkad* . Solat sunat *mu'akkad* ialah solat- solat sunat yang dititikberatkan oleh Rasulullah S.A.W. dan Baginda S.A.W. mengerjakannya secara berterusan seperti solat sunat dua rakaah sebelum Fajar dan dua rakaah selepas Zuhur dan dua rakaah selepas Insya'⁴² . Adapun solat sunat yang tidak *mu'akkad* ialah solat- solat sunat yang tidak banyak dikerjakan oleh Rasulullah S.A.W. seperti solat sunat empat rakaat sebelum ‘Asar dan dua rakaah sebelum Maghrib⁴³ .

Berdasarkan kepada penjelasan para *fugahā'* tentang pembahagian solat , kita dapat memahami bahawa ibadat solat terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu Solat Fardū dan Solat Sunat . Tetapi menurut Mazhab

⁴⁰ *Ibid.* , h. 262.

⁴¹ *Ibid.* , h. 262.

⁴² 'Abd. al-Qādir al-Rahbāwī (1994) , *Kitāb al – Solāh 'alā al-Mu'dhāhib al-Arba'ah ma'a Adillah Ahkāmihā* , c. 4 . Kaherah : Dār al-Salām , h. . 164 .

⁴³ *ibid.* , h . 165 .

Hanafī ibadat solat terbahagi kepada tiga bahagian iaitu apabila mereka menambah satu lagi jenis solat di sisi mereka iaitu *al-Solāh al-Wājibah*.

Pada pendapat penulis , ibadat solat menurut mazhab - mazhab selain dari Mazhab Hanafī adalah terbahagi kepada dua bahagian iaitu Solat Fardu dan Solat Sunat . Manakala Mazhab Hanafī , mereka menambah satu lagi jenis solat iaitu *al-solāh al-wājibah* kerana merujuk kepada perbezaan di antara hukum fardu dan wajib di sisi mazhab mereka sedangkan di dalam mazhab – mazhab yang lain fardu dan wajib adalah memberi erti dan hukum yang sama .⁴⁴

3.7 Pengenalan Solat Fardu

Seseorang muslim adalah dituntut untuk mengerjakan solat sebanyak lima kali sehari semalam selain daripada nazar atau sebagainya seperti yang diriwayatkan di dalam hadis yang berikut :

قال رسول الله (ص) : قال الله عزوجل : إِنَّمَا فَرَضْتُ عَلَى أُمَّتِكَ خَمْسَ صَلَواتٍ

، وَعَهِدْتُ عِنِّي عَهْدًا أَكْثَرُ مَنْ حَاءَ يُحَافِظُ عَلَيْهِنَّ لِوَقْتِهِنَّ أَذْخَلْتُهُ الْجُنَاحَ ، وَمَنْ لَمْ

يُحَافِظُ عَلَيْهِنَّ فَلَا عَهْدَ لَهُ عِنِّي

“ Rasulullah S.A.W. bersabda ; Allah S.W.T. telah berfirman ; Sesungguhnya Aku telah memfardukan ke atas umat mu kewajipan

⁴⁴ 'Abd al-Kārim al-Zaydān (1993) , *al-Wājib fī Usūl al-Fiqh* , c.1. Kaherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islamiyyah , h. 30

solat fardu yang lima dan di sisi Ku terdapat suatu perjanjian bahawa sesiapa yang mengerjakan solat pada waktunya nescaya Aku memasukkan ia ke dalam Syurga dan barangsiapa yang tidak memeliharanya (mengerjakannya sebagaimana yang diperintahkan) maka tidak ada perjanjian baginya di sisi Ku “⁴⁵

Solat yang diwajibkan itu dikenali dengan beberapa nama seperti *al-Solawāt al-Khams* iaitu Solat Fardu yang lima dan *al-Solawāt al-Mafrūdah* atau *al-Solawāt al-Maktabah* iaitu solat yang wajib ditunaikan oleh setiap individu muslim dan muslimah yang telah *āqil - bāligh* apabila ketidaaan uzur *Syāra'*. Di dalamnya terkandung tiga jenis solat sama ada yang berbentuk empat rakaah iaitu Zuhur , ‘Asar dan Insya’ ; satu jenis solat yang mengandungi tiga rakaah iaitu solat Maghrib dan ; satu jenis solat yang mengandungi dua rakaah iaitu solat Subuh .⁴⁶

Secara khususnya , Solat Fardu merupakan *khusūsiyyah* bagi Nabi Muhammad S.A.W. dan umatnya , tidak pada nabi- nabi dan rasul- rasul yang terdahulu . Dari aspek pensyaritannya , Solat Fardu telah mencapai suatu kedudukan yang agung berbanding perintah- perintah *Syāra'* yang lain kerana ia diperintahkan secara langsung kepada Nabi Muhammad S.A.W. tanpa perantaraan Malaikat Jibril ‘alayh al-salām yang berlaku pada Malam Isrā’ . Hakikat ini adalah berasaskan kepada keterangan sebuah hadis yang berikut :

⁴⁵ al-Imām Abī al-Tayyib (1995) , *op. cit.* , Kitāb al-Solāh , Bāb fī al-Muhāfazah ‘alā Waqt al-Solawāt , no. hadith 425 .

⁴⁶ ‘Alī Mursī (2001) , *op. cit.* , h. 258 .

فِرِضْتَ الصَّلَاةَ عَلَى الَّتِي (ص) لَيْلَةَ أَسْرِي بِهِ خَمْسِينَ، ثُمَّ نَفِضْتَ حَتَّى

جَعَلْتَ خَنْسَا، ثُمَّ نُوَدِيَ : يَا مُحَمَّدُ إِنَّمَا يَدِلُ الْقَوْلُ لِدِي ، وَإِنَّكَ بِهَذِهِ

الْخَمْسِينَ

“ Telah difardukan atas Nabi S.A.W. solat lima puluh kali di malam Nabi S.A.W. pada malam isra’ . kemudian dikurangi menjadi lima sahaja . Setelah itu Allah berfirman : Wahai Muhammad , tak dapat ditukar- tukarkan lagi apa yang telah menjadi ketetapan di sisi – Ku ; dan engkau memperoleh dengan solat yang lima ini sama dengan pahala solat lima puluh kali .”⁴⁷

Di antara ciri- ciri lain tentang Solat Fardu ialah ia mestilah dikerjakan menurut waktu yang telah ditetapkan . Mengerjakan solat waktu menurut ketetapan waku adalah di antara syarat – syarat sah solat seseorang . Solat yang dikerjakan oleh seseorang tidak akan diterima di sisi Syāra’ melainkan apabila dia mengerjakan solat tersebut di dalam waktunya. Perintah ini adalah berdasarkan firman Allah Ta’ala sebagaimana yang dinyatakan di dalam ayat yang berikut :

فِإِذَا اطْمَأْنَתُمْ فَاقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كَيْبَابًا مَوْفُوتًا

“ Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang- orang yang beriman , yang tertentu waktunya .”

al-Nisā’ (4) : 103

⁴⁷ al-Syawkānī (1996) , op. cit . , Kitāb al-Solāh , Bab Iftirādūhā wamatā Kāna . no. hadith 394.

Selain itu , waktu- waktu Solat Fardu itu sendiri dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian yang lain berdasarkan kepada keutamaan dan kelebihan waktu itu sendiri .Waktu – waktu tersebut ialah waktu fadhilah , ikhtiar, uzur , makruh dan haram . Solat Zuhur , ‘Asar dan Insya’ masing – masing mempunyai lima waktu ini manakala solat Maghrib mempunyai dua waktu iaitu waktu fadhilah dan waktu uzur dan solat subuh mempunyai empat waktu iaitu waktu fadhilah , ikhtiar , makruh dan haram . Di sini dinyatakan dengan ringkas mengenai waktu- waktu tersebut ⁴⁸.

1. Waktu fadhilah ia disebut sebagai waktu yang utama dan tempoh masanya bermula dari awal waktu sehingga cukup menghabiskan solat yang difardukan pada waktu berkenaan iaitu seseorang itu sempat berwudu’ , azan , qamat dan mengerjakan solat sunat *qabliyyah* serta dikutii melakukan Solat Fardu.
2. Waktu ihktiar ia disebut sebagai waktu pilihan dan tempoh masanya ialah selepas waktu fadhilah hingga sebelum waktu secukup- cukup masa mengerjakan Solat Fardu .
3. Waktu uzur iaitu mengerjakan solat bukan dalam waktunya kerana melakukan jama’ sama ada *jama’ taqdīm* atau *jama’ ta’khīr*. Waktu uzur bagi Zuhur ialah waktu ‘Asar dengan sebab *jama’ ta’khīr* dan sebaliknya waktu uzur bagi ‘Asar ialah waktu Zuhur dengan sebab *jama’ Taqdīm* .Waktu uzur bagi Insya’ ialah Maghrib kerana *jama’ taqdīm* .

⁴⁸ Ustaz Sefwan Fathi (2000) , *op. cit.* , h. 41 .

4. Waktu makruh iaitu mengerjakan solat dalam waktu yang hanya sekadar mencukupi untuk mengerjakan solat yang diwajibkan pada waktu berkenaan dan selepas memberi salam waktunya habis .
5. Waktu haram iaitu waktu yang tidak sempat habis mengerjakan solat yang mempunyai waktu. Jelasnya *Takbīrah al-Ihrām* masih di dalam waktunya tetapi salam sudah masuk waktu berikutnya atau telah terkeluar waktunya .Contohnya melakukan solat Maghrib dan waktunya hampir habis menyebabkan ketika *Takbīrah al-Ihrām* masih dalam waktunya tetapi ketika salam sudah masuk waktu *Insya'* .

3.8 Hukum pengabaian Solat Fardu

3.8.1 Erti pengabaian Solat

Pengabaian menurut Bahasa Melayu adalah kata nama terbitan dari perkataan *abai* yang bermaksud cuai atau lalai . Ia adalah perihal tentang sikap dan perbuatan seseorang yang mengabaikan sesuatu kerja seperti tugas dan tanggungjawab ⁴⁹ . Seseorang yang suka mengabaikan sesuatu kerja diistilahkan sebagai pengabai yang bermaksud orang yang mengabaikan dan sering tidak memberikan perhatian kepada sesuatu kerja seperti tugas , tanggungjawab dan sebagainya .

Dalam bahasa ‘Arab , pengabaian disebut dengan kata nama *masdar* (kata nama terbitan) ; *ihmālan* yang berasal dari *fi'il* (kata kerja);

⁴⁹ Teuku Iskandar (1996), *op. cit* , h. 1.

ahmala , yuhmilu yang memberi erti sikap dan perbuatan seseorang individu yang tidak memberi perhatian serta tidak merasa bertanggungjawab terhadap sesuatu kewajipan yang mesti dilaksanakan.⁵⁰

Jelasnya , pengabaian sebagaimana menurut definisi di atas dapat dianggap sebagai suatu sikap dan perbuatan negatif seseorang individu kerana ia menonjolkan sifat – sifat yang buruk dan tercela seperti tidak mengambilberat , malas dan tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan dengan bersungguh – sungguh sesuatu tugas yang telah menjadi tanggungjawab terhadap dirinya .

Oleh yang demikian , dengan mengambil erti dan defini seperti yang dikemukakan di atas , maka istilah pengabaian apabila digunakan dalam konteks menerangkan erti pengabaian Solat Fardu dapat difahami sebagai suatu sikap dan perbuatan seseorang individu muslim yang tidak mengambil berat untuk melaksanakan perintah mendirikan solat sebagaimana menurut hukum dan syarat- syarat yang telah diperintahkan oleh Syāra’.

Adalah nyata sekali bahawa pengabaian Solat Fardu merupakan suatu perbuatan yang tercela di sisi Agama Islam kerana ia bertentangan dengan dasar dan perintah Syāra’ yang menuntut seseorang muslim mengerjakan Solat Fardu dengan memelihara setiap rukun , syarat dan waktunya agar tujuan dan falsafah solat itu dapat direalisasikan dalam erti kata yang sebenar

⁵⁰ Antowan Ni’mah (2000) , *al-Munjid Fi al-Lughah al-‘Arabiyyah al-‘Asarah* , c . 4 . Beirut : Dār al-Masyriq , h . 1490

seperti yang diperintahkan oleh Allah Ta'ala di dalam firman-Nya yang berbunyi :

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

“ Dan dirikanlah solat (dengan tetap) , sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar “

al-'Ankabüt (29) : 54

Di dalam al-Qur'ān al-Karīm , Allah S.W.T. telah menyebut tidak kurang dari 7 ayat di dalam surah - surah yang berlainan tentang perihal dan keburukan orang- orang yang mengabaikan solat bahkan di dalam kebanyakan ayat - ayat tersebut Allah Ta'ala menyebut secara langsung tentang ancaman dan keseksaan yang akan dikenakan terhadap orang- orang yang mengabaikan Solat Fardu⁵¹ .

Berdasarkan kepada penelitian terhadap ayat - ayat al-Qur'ān dan hadis - hadis nabi serta pendapat para *fiqahā'* yang membahaskan tentang masalah pengabaian solat , dapat dirumuskan bahawa masalah pengabaian Solat Fardu ini terbahagi kepada dua bahagian :

Pertama ; Malas mengerjakan solat dan meringan- ringankan hukum Solat Fardu .

Menurut istilah Fiqh , malas mengerjakan Solat Fardu disebut sebagai *takāsul* sementara meringan- ringankan pelaksanaan Solat Fardu pula disebut

⁵¹ Muhammad Mustafā Muhammad (t.t) . *al-Faħras al-Mawdū'i li Āyāt al-Qur'ān al-Karīm* , Beirut : Dār al-Jayl , h . 288 .

sebagai *tahāwun*⁵². Di antara ciri-ciri utamanya ialah meninggalkan Solat Fardu tanpa uzur yang diharuskan oleh Syāra' serta melewati-lewatkan waktu solat iaitu mengerjakan solat di akhir – akhir waktu . Di dalam al-Qur'an al-Karīm , Allah S.W.T. mengisyaratkan perbuatan ini dengan pelbagai maksud dan di antaranya adalah seperti yang diterangkan oleh ayat – ayat yang berikut :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُنْهِكُمُ أَمْوَالَكُمْ وَلَا أُولَادَكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ

فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ

" Wahai orang- orang yang beriman ! janganlah kamu dilalaikan oleh urusan harta benda kamu dan anak pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya . dan ingatlah sesiapa yang melakukan demikian make mereka itulah orang- orang yang rugi " "

al-Munāfiqūn (63) : 9

Menurut tafsiran ulama' bahawa yang dimaksudkan dengan *zikrullāh*⁵³ di dalam ayat di atas adalah Solat Fardu yang lima . Para ulama' menerangkan bahawa seseorang yang bersolat bukan di dalam waktunya kerana disibukkan oleh harta , anak - anak atau sesuatu urusan keduniaan maka orang tersebut adalah termasuk di kalangan orang – orang yang rugi di akhirat kelak .

⁵² al-Imām Abī Zakariyya Mahyuddīn bin Syaraf al-Nawawī (t.t.) , *al-Majmū'* , j.3. Jeddah : Maktabah al-Irsyād , h. 17 .

⁵³ ai-Saykh Ahmad al-Sāwī al-Mālikī (1999) , *op . cit .* , h. 273 .

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ حَلْفٌ أَضَاعُوا الصِّنَاعَةَ وَأَتَبْعُوا الشَّهَوَاتِ فَسَوْفَ يُلْقَوْنَ عَيْنًا

" Kemudian mereka digantikan oleh keturunan- keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat) ; Maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka). "

Maryam (19) : 59

Berdasarkan kepada ayat ini , para ulama' berpendapat bahawa ayat yang berbunyi *adā'ū al-solāh* ialah melewat- lewatkan waktu solat sehingga luput waktunya ⁵⁴ . Justeru , para ulama' berpendapat seseorang yang suka melewat- lewatkan waktu solat dari waktunya akan dimasukkan ke dalam " *ghayy* " iaitu suatu alur yang terdapat di dalam neraka jahannam ⁵⁵ .

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ، الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُرُونَ

" Maka kecelakaan besar bagi orang- orang ahli sembahyang iaitu mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya "

al-Mā'ūn (107) : 4

Ayat ini pula menjelaskan bahawa di antara sebab orang - orang yang mengerjakan solat itu dicela adalah kerana mereka sengaja menangguh- nangguhkan waktu solat . Para ulama' mentafsirkan bahawa yang

⁵⁴ al-Imām al-Hāfiẓ Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ahmad bin Uthmān al-Dhahabī (1995) , *Kitāb al-Kabā'ir* , c.1. Damsyiq : Dār al-Khayr , h. 38.

⁵⁵ Hasbi Ash Shiddieqy (1994) , *op.cit.* , h. 576.

dimaksudkan dengan *sāhūn* ialah melewat- lewatkan solat dari waktunya⁵⁶ maka balasan azab yang bakal menerima mereka ialah azab neraka *wayl* iaitu suatu tempat yang disediakan bagi orang - orang yang suka melewat- lewatkan solat dari waktunya .

Berdasarkan kepada dalil – dalil yang telah dikemukakan di atas adalah jelas bahawa perbuatan melewat- lewatkan solat itu merupakan suatu perbuatan yang tercela di sisi Agama Islam . Seseorang yang melewat- lewatkan waktu solat dengan sengaja adalah diwajibkan menggantikan semula solat- solat yang terluput . Justeru , sebagai seorang muslim kita hendaklah berusaha memelihara waktu solat dengan sebaik – baiknya kerana setiap kecuaian yang dilakukan pasti akan mendapat balasan azab di akhirat kelak.

Kedua ; Perbuatan meninggalkan Solat Fardu sama ada ingkar kepada perintah Syāra' atau meninggalkan Solat Fardu dengan sengaja .

Aspek kedua yang terkandung di dalam erti pengabaian solat ialah meninggalkan Solat Fardu sama ada ingkar kepada perintah Syāra' atau meninggalkannya dengan sengaja iaitu tanpa uzur yang diharuskan oleh Syāra' . Ia disebut oleh para *fuqahā'* dengan istilah *tark al-solāh* yang bermaksud meninggalkan solat .

⁵⁶ al-Imām al-Dhahabī (1995) , *op.cit.* , h. 39.

Dari sudut bahasa *al-tark* memberi erti *mencampak*, *mengosong* atau *mendiamkan sesuatu* manakala menurut istilah Fiqh *tark al-solāh* memberi erti seseorang yang tidak menunaikan solat di dalam waktunya⁵⁷. Keterangan ini dapat difahami sebagaimana yang diungkapkan di dalam hadis yang berikut :

عَنْ حَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) : بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشَّرِكِ
وَالْكُفَّارِ تَرْكُ الصَّلَاةِ

*“Di antara ciri – ciri yang membezakan seseorang lelaki (muslim dan kafir) ialah meninggalkan solat ”*⁵⁸

Di dalam al- Qur’ān , Allah S.W.T. menyatakan perihal orang- orang yang meninggalkan solat dengan pelbagai lafadz . Di antara lain ialah Allah S.W.T. menerangkan tentang sifat solat orang – orang munafiq yang dianggap mereka tidak mengerjakan solat di dalam erti kata yang sebenar kerana mereka mengerjakan solat hanyalah semata – mata untuk menunjuk- nunjuk kepada orang ramai bukan kerana mentaati perintah Allah . Dalam hal ini , al-Qur’ān al-Karīm menamakan mereka sebagai golongan *al- Kusālā* dan perihal mereka telah dinyatakan oleh Allah S.W.T. sebagaimana di dalam ayat yang berikut :

وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا كُسَالَىٰ وَهُمْ يُرَاوِنُ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا

⁵⁷ Muhammad ‘Alī al-Hamsyārī *et al.* (1997) , *al-Qāmūs al-Islāmī li al-Nāyi ‘in wa al-Syabāb* , c. 1 . Riyādh : Maktabah al-‘Abīkān , h. 54 .

⁵⁸ al-Imām Abū Husayn Muslim bin al-Hujjāj al-Qusyayrī al-Nisābūri (1995) , *Sahīh Muslim . Kitāb al-Imān . Bāb Bayān Itlāq Ismu al-Kufr ‘alā Man taraka al-Solāh* , no. hadith 134 .

" Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang , mereka berdiri dengan malas . Mereka (hanya bertujuan) riya' (memperlihatkan sembahyang) kepada manusia (supaya disangka mereka orang yang beriman); dan mereka pula tidak mengiganti Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang). "

al-Nisā' (4) : 142

Di samping itu , al-Qur'an juga menyebut secara langsung tentang perihal orang - orang yang meninggalkan solat dengan balasan azab neraka sepetimana yang dinyatakan oleh ayat - ayat yang berikut :

فَالْوَّلِمْ تَكُّمِنَ الْمُصَّابِينَ

" orang - orang yang bersalah itu menjawab ; kami tidak termasuk di dalam kumpulan orang- orang yang mengerjakan sembahyang "

al-Muddathir (74) : 44

فَلَا صَدَقَ وَلَا صَلَّى

" Maka ia tidak mengakui kebenaran yang (diwajibkan meyakininya) dan ia tidak mengerjakan sembahyang (yang difardukan mengerjakannya) "

al-Qiyāmah (75) : 31

3.9 Pendapat para *fuqahā'* tentang masalah pengabaian Solat Fardu

Secara umumnya , para *fuqahā'* telah membahagikan perihal dan kedudukan orang yang mengabaikan solat kepada dua kategori :

Pertama ; Orang - orang yang meninggalkan solat kerana mengingkari perintah Syāra'. Mereka disifatkan sebagai orang yang kufur kepada Allah Ta'ala dan terkeluar dari Agama Islam .

Kedua ; Orang – orang yang meninggalkan solat tetapi mereka tidak mengingkari perintah Syāra'. Mereka dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu ;

a. Orang - orang yang meninggalkan solat kerana keuzuran yang diharuskan oleh Syāra' seperti tertidur dan terlupa . Mereka dibenarkan menggantikan semula solat - solat yang terluput dan waktunya pula adalah *muwassa'*. Permasalahan golongan ini tidak menimbulkan *khilāf* pendapat di kalangan *fuqahā'*⁵⁹.

b. Orang – orang yang meninggalkan solat tanpa uzur yang diharuskan oleh Syāra' seperti malas , meringan- ringankan perintah solat atau meninggalkan solat kerana menurut hawa nafsu .Mereka diistilahkan oleh para *fuqahā'* sebagai orang – orang yang meninggalkan solat dengan

⁵⁹ al-Nawawī (t.t.) , *op.cit* .. j.1 . h. 666.

sengaja (*tark al- solāh ‘amdañ kaslañ*) . Para *fuqahā’* telah berbeza pendapat di dalam menentukan hukum dan kedudukan mereka di sisi Syariat Islam⁶⁰.

Untuk menjelaskan permasalahan di atas dengan lebih lanjut , maka penulis membincangkan masalah tersebut sebagaimana berikut ;

3.9.1 Hukum meninggalkan Solat Fardu kerana ingkar kepada perintah Syāra‘.

Para ulama’ Islam telah berijma’ bahawa seseorang yang telah mengetahui hukum dan kefarduan solat tetapi enggan mengerjakannya kerana ingkar kepada perintah Syāra‘ maka hukumnya adalah jelas iaitu dia jatuh kufur serta terkeluar dari Agama Islam .

Sebaliknya , jika seseorang jahil tentang kefarduan solat di atas beberapa sebab yang tertentu seumpama dia tidak mengetahui tentang hukum solat ketika mula- mula memeluk Islam atau fikirannya tidak waras dan dia pula tidak mencampuri orang- orang Islam ketika baligh maka para ulama’ berpendapat seseorang itu tidaklah menjadi kufur⁶¹ .

Dr. Yūsuf al-Qaradāwī berpendapat orang – orang yang yang meninggalkan Solat Fardu dihukumkan sebagai kufur kepada Allah adalah kerana mereka telah melakukan suatu pendustaan besar terhadap Allah dan Rasul-Nya . Dengan demikian , mereka tidak digambarkan sebagai orang- orang

⁶⁰ Hasan Ayūb (1996) , *Fiqh al- ‘Ibādah fi al-Islām* , Kaherah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah , h. 6 .

⁶¹ al- Saykh Syamsuddin bin Muhammad al-Khatib al-Syarbīnī (1994) , *Muḥgnī al-Muhtāj* , j.1 , c.1 Beirut : Dār al-Kutub al - ‘Ilmiyyah , h . 612 .

yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya sebagaimana menurut firman Allah Ta'ala yang berbunyi⁶²:

وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَي الصُّلَّةِ اتَّخَذُوهَا هُرُواً وَلَبِّاً ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ

"Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan sembahyang , mereka menjadikan sembahyang itu sebagai ejekan-nya dan permainan, yang demikian itu ialah kerana mereka suatu kaum yang tidak berakal "

al-Mā'idah (5) : 58

Di samping itu , orang yang meninggalkan solat menjadi kufur adalah kerana mereka tidak termasuk di dalam syarat- syarat persaudaraan seagama (ukhuwwah fi al-dīn) seperti yang dinyatakan oleh Allah Ta'ala di dalam ayat yang berikut⁶³:

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الرِّزْكَاهَ فَإِخْرَجْنَاهُمْ فِي الدِّينِ

"Oleh itu , jika mereka bertaubat (dari kekufuran) dan mendirikan sembahyang serta menunaikan zakat ; maka mereka itulah saudara-saudara kamu yang seagama "

al-Taubah (9) : 11

Ada pun bentuk hukuman yang dikenakan ke atas orang yang mengingkari kewajipan Solat Fardu maka jumhur *fugahā'* berpendapat hukumannya ialah hukuman bunuh sebagaimana yang dijatuhkan ke atas

⁶² Yūsuf al-Qaradāwī (1996) , *al-Fatāwā al-Mu'āsarah* , j.1 , c. 6 . Kaherah : Dār al-Qalām li al-Nasyr wa al-Tawzī' , h. 206 .

⁶³ 'Afīf 'Abd al- Fattāh Tabbārah (t.t.) , *Rūh al-Solāh fi al-Islām* , Beirut : Dār al-'Ilm li al-Malāyīn , h. 15 .

orang – orang murtad ⁶⁴. Hukuman ini adalah bersandarkan kepada nas yang berikut :

بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الْكُفَّارِ تَرْكُ الصَّلَاةِ

“Di antara ciri-ciri yang membezakan seseorang lelaki (muslim dengan kafir) ialah meninggalkan solat”⁶⁵

Berdasarkan kepada hadis di atas , para ulama *menta'wilkan* bahawa hukuman yang patut dikenakan ke atas orang yang yang meninggalkan solat ialah hukuman bunuh kerana perbuatan tersebut adalah jelas perbuatan orang – orang kafir⁶⁶. Namun , menurut sebilangan ulama’ sebelum hukuman bunuh dijalankan maka pihak pemerintah Islam mestilah terdahulu menyuruh seseorang itu agar bertaubat kepada Allah . Sekiranya dia bertaubat dan mengerjakan solat maka dia dimaafkan serta dilepaskan dari menerima hukuman tersebut . Sebaliknya , jika dia masih ingkar dan enggan mengerjakan solat maka hendaklah dia dijatuhkan hukuman bunuh sebagai suatu pembalasan yang setimpal terhadap dirinya yang telah mengingkari perintah solat⁶⁷.

Dalam pada itu , sesetengah ulama’ berpendapat bahawa tidak harus ke atas seseorang Islam menguruskan jenazah orang yang mengingkari solat sebagaimana yang sepatutnya dilakukan terhadap orang- orang Islam

⁶⁴ Abū al-Husayn ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al- Mawārdī al-Baṣrī (1994) , *al-Hāwī al-Kabīr* , j.2 , c.1. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah , h. 525 .

⁶⁵ al-Syawkānī (1996) , *op.cit* , Kitāb al-Solāh Bāb Hajjah Man kaffara Tārik al-Solāh , no. hadith 401.

⁶⁶ al-Imām al-Mujtahid al-‘Allāmāh bin ‘Abd al-Syawkānī (1996) , *Nayl al-Awtār* , j.1 , c.1. Kaherah : Dār al-Salām , h. 281.

⁶⁷ Musta‘ā al-Bughā et al. (1996) , *op.cit* , j.1 , h. 104

yang meninggal dunia seperti memandi , mengkafan serta mengkebumikan jenazahnya di atas tanah perkuburan orang – orang Islam .Hal ini kerana menurut mereka orang yang mengingkari solat itu tidak dianggap sebagai seorang muslim yang sebenar.⁶⁸

3.9.2 Hukum meninggalkan Solat Fardu dengan sengaja

Para ulama' Islam telah berijma' bahawa seseorang yang meninggalkan Solat Fardu kerana ingkar kepada perintah Syāra' menjadi kufur dan terkeluar dari ajaran Agama Islam⁶⁹ . Namun demikian , para *fuqahā'* berbeza pendapat tentang seseorang yang meninggalkan Solat Fardu tetapi masih beritikad tentang kefarduan solat seperti seseorang yang meninggalkan solat kerana malas , sibuk dengan urusan dunia atau meringan – ringankan hukum solat . Secara umumnya , terdapat dua pendapat *fuqahā'* dalam membincangkan permasalahan ini :

Pertama , al-Imām Mālik , al- Imām al- Syāfi'ī dan al-Imām Hanafī berpendapat bahawa orang tersebut tidak menjadi kafir bahkan menjadi fasiq⁷⁰ . Mereka telah mengemukakan dalil- dalil yang berikut :

- a. Dalil al-Qur'ān ; Allah S.W.T. berfirman .

⁶⁸ *ibid.*, h. 104 .

⁶⁹ al – Sayyid Sābiq (1999) , *op. cit.* , j.1 , h . 110.

⁷⁰ al- Syawkānī (1996) , *op. cit.* , j. 1. h. 281 .

إِنَّ اللَّهَ لَا يَعْفُرُ أَنْ يُشِّرِّكَ بِهِ وَيَعْفُرُ مَا دُونَ ذَلِكَ

" Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang memperseketukan-Nya dengan suatu (apa jua) dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu."

al-Nisā' (4) : 116

b. Dalil - dalil dari al-Sunnah , Rasulullah S.A.W. bersabda :

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ : الصَّلَاةُ الْمُكْثُرُ بِهِ ، فَإِنْ أَتَّهَا ، وَإِلَّا قِيلَ :

أَنْظُرُوهُمْ هُنَّ لَهُ تَطْوِعٌ ، أَكْمِلَتِ الْغَرِيبَةَ مِنْ تَطْوِعِهِ ، ثُمَّ يُفْعَلُ

بِسَائِرِ الْأَعْمَالِ الْمَفْرُوضَةِ مِثْلُ ذَلِكَ

" Rasulullah S.A.W. bersabda ; seseungguhnya permulaan amal yang dihisab buat seseorang hamba pada hari qiamat ialah solat fardu . Jika sempurna solatnya itu , disempurnakanlah urusan solat baginya . Jika tidak sempurna solatnya itu , dikatakan kepada pemeriksa : cuba periksa solat sunatnya . Jika ada solat sunatnya , disempurnakanlah solat fardunya dengan solat sunat itu . Demikianlah dilakukan terhadap segala amalan- amalan nya yang lain ." ⁷¹

Berdasarkan kepada hadis ini , para ulama' menta'wilkan bahawa seseorang yang meninggalkan solat dengan sengaja tidaklah menjadi kafir . Hal ini kerana menurut mereka , kekufuran hanya berlaku dengan sebab i'tikad yang salah iaitu apabila seseorang itu beri'tikad bahawa mendirikan solat itu tidak wajib atau dia mengatakan bahawa solat itu tidak diperintahkan kepada orang- orang Islam atau sebagainya . Justeru , seseorang yang meninggalkan solat dengan sengaja masih dianggap sah

⁷¹ al-Syawkānī (1996) , op.cit. , Kitāb al-Solāh , Bāb Hujjah Man Lam Yukaffir Tārik al-Solāh , no. hadith 406.

i'tikadnya selagimana dia tidak mengingkari perintah solat . Akan tetapi , jika didapati dia mengingkari perintah Syāra' secara terang- terangan lalu dia meninggalkan solat dan rukun – rukun Islam yang lain maka bolehlah dia dihukumkan sebagai seorang kafir kerana dia telah merosakkan aqidahnya sebagai seorang Islam⁷² .

Rasulullah S.A.W. bersabda ;

أَمْرَتُ أَنْ أَقْاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَقُولُوا لَإِلَهِ إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ وَلَا يَعْبُدُونَا الصَّلَاةَ وَلَا يُؤْتُونَا الزَّكَاةَ ، فَإِذَا

فَعَلُوْذُكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَائُهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ ، وَحِسَابُهُمْ عَلَىَ اللَّهِ

" Bahwasannya Nabi S.A.W. bersabda : Aku diperintahkan memerangi orang islam yang murtad sehingga mereka kembali mengaku bahawa tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah sendiri-Nya dan mengaku bahawa Muhammad Rasul-Nya mendirikan solat , dan mengeluarkan zakat . Apabila mereka melaksanakan kembali) yang demikian itu terpeliharalah darah dan hartanya kecuali kalau ada sesuatu hak islam . dan perkiraannya dalai urusan- urusan yang tersembunyi diserahkan kepada Allah ." ⁷³

Berdasarkan kepada keterangan hadis ini , para ulama' berhujjah bahawa seseorang yang yang telah melafazkan lafadz syahada hendaklah dijatuhkan hukuman bunuh sekiranya dia tidak mengerjakan solat tetapi dia tidak menjadi kafir ⁷⁴

⁷² Wahbah al - Zuhaylī (1989) , *Fiqh al-Islām wa Adillatuh* , j. 1 , c. 3. Damsyiq : Dār al-Fikr , h. 504 .

⁷³ al-Imām Muṣlim (1995) , op . cit . , Kitāb al-Imān . Bāb al-Amr bi Qitāl al-Nās , no. hadith 36 .

⁷⁴ Mustafā al-Bughā et. al' (1996) , op. cit . j. 1 , h.105 .

Hadis riwayat ‘Ubādah Ibn al- Sāmit ;

عن عبادة بن الصامت رضى الله عنه قال : سمعت رسول الله (ص) يقول : خمس

صلواتٍ كتبهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْجِبَادِ ، مَنْ أَتَى بِهِنَّ ، لَمْ يُضْعِفْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتِخْفَافًا
بِحَقِّهِنَّ ، كَانَ لَهُ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ ، وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ فَلَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ
إِنْ شَاءَ عَذْبَهُ وَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُ

“Dari Ubādah Ibn al-Sāmit r.a. berkata : Rasulullah S.A.W. bersabda Allah telah memfardukan ke atas hamba-hamba-Nya solat lima waktu .Barangsiapa yang mengerjakannya dengan sempurna ; tidak menyia-nyiakan sesuatu darinya solat itu kerana menyempurnakan hak solat , maka baginya ada jaminan (perjanjian Allah) akan memasukkannya ke dalai syurga . Jika Allah kehendaki , Allah ampunkan dosanya dan jika Allah kehendaki Allah mengazabkannya , dan jika Allah kehendaki nescaya Allah memasukkannya ke syurga .”⁷⁵

Hadis ini menjadi hujjah bahawa seseorang yang meninggalkan solat tidaklah menjadi kafir , sekiranya dia menjadi kafir maka sudah pasti dia tidak termasuk di dalam ucapan Rasul yang berbunyi jika Allah kehendaki nescaya Allah memasukkannya ke syurga iaitu merujuk kepada orang yang meninggalkan solat .Oleh yang demikian , hadis ini menjadi dalil bahawa orang yang meninggalkan solat dengan sengaja seperti malas atau sebagainya tidak dihukumkan sebagai kafir ⁷⁶.

⁷⁵ al-Sywākānī (1996) , op. cit. , Kitāb al-Solāh , Bāb Hujjah Man Lam Yukaffir Tārik al-Solāh , no. hadith 405.

⁷⁶ Ibid ., h. 46.

Kedua ; Pendapat ulama' salaf iaitu pendapat yang diriwayatkan daripada 'Alī b. Abī Tālib , Ibnu al-Mubārak , Ishāq b. Rāhawayyah⁷⁷ dan satu riwayat yang masyhūr dari al-Imām Ahmad bin Hanbal bahawa orang yang meninggalkan solat dalam keadaan seperti itu adalah kafir ⁷⁸. Mereka telah berhujah dengan dalil-dalil yang berikut :

Firman Allah S.W.T.;

فِإِذَا أَنْسَلْتُمُ الْأَشْهُرَ الْحُرُمَ ، فَاقْتُلُوْا الْمُشْرِكِينَ حِيثُ وَجَدُوكُمْ ، وَخُذُوهُمْ

وَاحْصُرُوهُمْ وَاعْدُوْا لَهُمْ كُلُّ مُرْضِدٍ ، فَإِنْ تَأْبُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتُوْا الزَّكَاةَ

فَخَلُّوْا سَبِيْلَهُمْ ، إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ الرَّحِيمٌ

" kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu , maka bolehlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemui mereka , dan tawanlah mereka dan juga kepunglah mereka , serta tunggulah mereka pada tiap - tiap tempat mengintipnya . Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat , maka biarkanlah mereka (jangan diganggu) . Sesungguhnya Allah amat pengampun , lagi amat mengasihani . "

al-Taubah (9) : 5

Berdasarkan kepada ayat ini , al-Imām Ahmad b. Hanbal berpendapat bahawa seseorang yang meninggalkan solat itu hendaklah dihukum bunuh sekiranya dia tidak mengerjakan solat . Seterusnya beliau menambah bahawa orang - orang yang meninggalkan solat itu tidak termasuk di dalam syarat-syarat pelepasan diri iaitu terpelihara darah dan harta mereka dengan

⁷⁷ al-Nawawī (t.t.) , op. cit . , j.3 , h. 19 .

⁷⁸ Wahbah al-Zuhaylī (1989) , op. cit . , j.1 , h. 504 .

sebab mereka tidak mengerjakan solat . Sehubungan dengan hal ini , al-Imām al-Qurtubī memberi satu pendapat bahawa tidak berlaku *khilāf* di kalangan ulama' muslimin bahawa seseorang yang meninggalkan solat menduduki hukum orang- orang kafir⁷⁹ .

Rasulullah S.A.W. bersabda ;

العَهْدُ الَّذِي بَيَّنَا وَبَيَّنْكُمُ الصَّلَاةُ ، فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

“ *Perjanjian (batas) yang diletakkan antara kita umat islam dengan orang kafir ialah solat . Maka barangsiapa yang meninggalkan solat kafirlah dia* ”⁸⁰

Hadis di atas menunjukkan bahawa perbuatan meninggalkan solat adalah di antara perkara- perkara yang membawa kepada kekufuran seseorang⁸¹ . Oleh yang demikian , dapat difahami bahawa orang yang meninggalkan solat menjadi kafir dengan sebab ia meninggalkan solat⁸² .

Pendapat yang yang paling kuat (*rājiḥ*) ;

Berdasarkan kepada pendapat para *fuqahā'* tentang masalah orang yang meninggalkan solat dengan sengaja didapati bahawa mereka telah mengemukakan dua pendapat yang berbeza . Mazhab yang pertama berpendapat bahawa seseorang yang meninggalkan solat dengan sengaja tidak

⁷⁹ al-Imām Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ahmad al-Ansārī al-Qurtubī (1993) , *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'añ* , j. 4 . Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah , h. 48 .

⁸⁰ al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* , Kitāb al-Solāh . Bāb Hujjah Man Kaffara Tārik al-Solāh , no. hadith 403 .

⁸¹ Wahbah al-Zuhaylī (1989) , *op.cit.* , j.1 , h.505 .

⁸² al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* , j.1 , h. 283 .

menjadi kafir bahkan ia menjadi fasiq manakala menurut mazhab yang kedua pula orang tersebut menjadi kafir .

Selain dari pendapat mazhab di atas , didapati bahawa para ulama' kontemporari juga telah berselisih pendapat di dalam menentukan hukum terhadap orang yang meninggalkan solat dengan sengaja . Di antara tokoh ulama' semasa yang sependapat dengan mazhab yang pertama ialah Dr. Wahbah al-Zuhaylī manakala ulama' yang mendokong pendapat mazhab yang kedua ialah Dr. Yūsuf al-Qaradāwī . Kedua – dua mereka telah mengemukakan pandangan dan hujah – hujah yang berbeza dan dapat dibentangkan sebagaimana berikut :

A) Pendapat dan hujah - hujah Dr. Wahbah al-Zuhaylī :

Dr. Wahbah al-Zuhaylī berpendapat bahawa pendapat yang lebih diterima umum ialah pendapat mazhab yang pertama iaitu orang yang meninggalkan solat dengan sengaja tidak menjadi kufur . Beliau telah mengemukakan dalil seperti yang berikut :

قال (ص) : مَنْ قَالَ : لَمْ يَلِدْ اللَّهُ ، وَكَفَرَ بِمَا يُعْبُدُ مِنْ دُوْنِ اللَّهِ ، حَرَمَ مَالُهُ

وَدَمُهُ ، وَجِسَامُهُ عَلَيَّ اللَّهِ .

" Rasulullah S.A.W. bersabda : Barangsiapa yang mengucapkan kalimah lāilāha illa Allāh dan dia tidak mempercayai apa – apa

yang disembah selain Allah , maka haramlah harta dan darahnya dan perkiraannya adalah di sisi Allah .”⁸³

Berdasarkan kepada keterangan hadis di atas , beliau berpendapat bahawa seseorang yang telah melafazkan kalimah Syahadah tidak akan kekal di dalam neraka jahannam buat selama- lamanya berbanding orang-orang kafir .Ini menunjukkan bahawa orang yang meninggalkan solat tetap mendapat azab di neraka tetapi mereka tidak kekal untuk selama- lamanya sebagaimana yang terjadi kepada orang - orang kafir ⁸⁴.

B) Pandangan dan hujah- hujah Dr. Yūsuf al-Qaradāwī .

Dr. Yūsuf al-Qaradāwī berpendapat bahawa pendapat yang dikemukakan oleh al-Imām Ahmad b. Ahmad adalah pendapat yang lebih di terima berbanding pendapat mazhab yang pertama lain iaitu orang- orang yang meninggalkan solat dengan sengaja dihukumkan sebagai kufur ⁸⁵ . Sebagai menyokong dakwaan ini , beliau telah mengemukakan beberapa hujjah sebagaimana yang berikut :

1. Kebanyakan ayat- ayat al-Qur’ān yang menerangkan tentang perihal orang yang meninggalkan solat menyatakan bahawa perbuatan tersebut adalah sebahagian dari ciri- ciri kekufuran , di antaranya ialah seperti yang dinyatakan oleh ayat yang berikut :

⁸³ al-Imām Muslim (1995), *op. cit.* , Kitāb al-Imān . Bāb al-Amr bi Qitāl al-Nās , no hadith 37 .

⁸⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1989) , *op.cit.*, j.1, h.505 .

⁸⁵ Yūsuf al-Qaradāwī (1996) , *op. cit.*.j.1. h.207

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَرْكَعُوا لَأَيْرَكَعُونَ

" Dan (kepada orang- orang yang) apabila dikatakan kepada mereka ; taatlah dan kerjakanlah sembahyang " mereka ingkar dan tidak mengerjakannya ".

al-Mursalât (77) : 48

2. Terdapat ayat – ayat al-Qur'ân yang menjelaskan bahawa terpelihara darah orang mu'min serta wujudnya ikatan persaudaraan Islam (*ukhuwwah fi al-dîn*) di kalangan mereka adalah setelah mereka mendirikan solat dan membersihkan diri dari kesyirikan serta mereka membayar zakat . Keterangan ini adalah seperti yang dinyatakan oleh ayat yang berikut :

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ فَلَا يُخُونُوكُمْ فِي الدِّينِ

" oleh itu , jika mereka bertaubat (dari kekufuran) dan mendirikan sembahynag serta menunaikan zakat maka mereka adalah saudara – saudara kamu yang seagama "

al-Taubah (9) : 11

3. al-Qur'ân menerangkan juga bahawa di antara sebab orang- orang kafir dihumbankan ke dalam neraka adalah sebagai akibat mereka tidak mengerjakan solat semasa hidup di dunia . Dengan demikian dapat difahami bahawa meninggalkan solat adalah di antara ciri- ciri perbuatan orang kafir .

Keterangan ini adalah sebagaimana yang diungkapkan di dalam ayat yang berikut⁸⁶ :

قَالُوا لَمْ تَكُنْ مِنَ الْمُصَلِّيْنَ، وَلَمْ تَكُنْ تُطْعِمُ الْمِسْكِيْنَ، وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ الْخَاطِيْبِيْنَ
وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوْمِ الدِّيْنِ

“Orang-orang yang bersalah itu menjawab “kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang sembahyang ; dan kami tidak pernah memberi makan orang miskin ; dan kami dahulu mengambil bahagian memperkatakan perkara yang salah , bersama orang-orang yang memperkatakannya ; dan kami sentiasa mendustakan hari pembalasan .”

al-Muddathir (74) : 43 – 46

Pada pendapat penulis , orang yang meninggalkan solat dalam kedaan dia masih beritikad tentang kefarduannya tetapi dia meninggalkan solat di atas sebab-sebab yang tertentu maka dia tidak dihukumkan sebagai kufur . Dalam hal ini , penulis bersetuju dengan pendapat mazhab yang pertama dan pandangan yang dikemukakan oleh Dr. Wahbah al-Zuhayli .

Penulis berpendapat bahawa orang yang meninggalkan solat hanya semata-mata kerana malas atau dengan sebab-sebab yang lain tidak boleh dihukumkan sebagai kufur selagi mana dia tidak mengingkari secara jelas perintah dan kefarduan mendirikan solat . Hadis-hadis yang menjelaskan bahawa orang yang meninggalkan solat menjadi kufur adalah sebenarnya merujuk kepada orang-orang yang meninggalkan solat kerana ingkar kepada perintah Syāra‘ .

⁸⁶ ibid . . h.208 .

3.9.3 Hukuman orang yang meninggalkan Solat dengan sengaja tetapi masih beritikad tentang kefarduan Solat

Perselisihan pendapat yang berlaku di kalangan *fuqahā'* tentang permasalahan ini adalah pertentangan pendapat yang berlaku di antara al-Imām Abū Hanīfah dan al-Imām al-Syāfi'ī serta al-Imām Mālik meskipun mereka *berittifaq* bahawa orang yang yang meninggalkan solat dengan sengaja dihukumkan sebagai orang fasiq .Secara umumnya , pendapat mereka ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian sebagaimana berikut :

Pertama ; al-Imām Mālik , al-Imām al- Syāfi'ī dan al-Imām Ahmad serta jumhur ulama' salaf berpendapat bahawa hukuman yang dikenakan ke atas orang yang meninggal solat dengan sengaja ialah hukuman bunuh iaitu mereka dijatuhkan hukuman had sebagaimana yang dikenakan ke atas penzina muhsan .⁸⁷ Mereka telah berhujjah dengan dalil-dalil yang berikut :

Dalil yang pertama , Allah S.W.T. berfirman ;

فَاقْتُلُو الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُولُهُمْ وَاحْصُرُوهُمْ وَأَقْعُدُرُهُمْ كُلُّ

مُرْضِدٍ فَإِنْ تَأْبُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَءَوْا الرِّزْكَةَ فَخُلُّوْهُمْ سَبِيلُهُمْ

" Maka bunuhlah orang – orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemui mereka ; dan tawanlah mereka ; dan juga keponglah mereka ; serta tunggulah mereka pada tiap- tiap tempat mengintipnya ; kemudian jika mereka bertaubat (dari kekuferannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat , make biarkanlah mereka (jangan diganggu) "

al-Taubah (9) : 5

⁸⁷ al-Syawkānī (1996) , op. cit., h. 281 .

Di dalam ayat ini , Allah S.W.T. memerintahkan orang- orang Islam agar mereka memerangi dan membunuh kaum musyrikin sehingga mereka bertaubat daripada syirik , mendirikan solat dan mengeluarkan zakat . Berdasarkan kepada perintah ini dapat dibuat kesimpulan bahawa hukuman yang dikenakan ke atas orang yang tidak mendirikan solat ialah hukuman bunuh⁸⁸ .Sebagai menguatkan hujjah ini , al-Imām Mālik berpendapat seseorang yang telah mengaku beriman kepada Allah dan Rasulnya wajib dikenakan hukuman bunuh sekiranya dia enggan mengerjakan solat⁸⁹ .

Dalil yang lain , Rasulullah S.A.W. bersabda ;

أَمْرَتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَشْهُدُوا أَنَّ لَهُ إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَيَقِيمُوا

الصَّلَاةَ وَيَوْمَ الْرُّكَّةَ ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِي دِمَانَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ

الإِسْلَامِ ، وَحِسَابُهُمْ عَلَىَّ اللَّهِ

“ Bahwasannya Nabi S.A.W. bersabda : Aku diperintahkan memerangi orang islam yang murtad sehingga mereka kembali mengaku bahawa tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah sendiri-Nya dan mengaku bahawa Muhammad Rasul-Nya , mendirikan shalat , dan mengeluarkan zakat . Apabila mereka melaksanakan kembali) yang demikian itu terpeliharalah darah dan hartanya kecuali kalau ada sesuatu hak islam . dan perkiraannya dalam urusan- urusan yang tersembunyi diserahkan kepada Allah ”⁹⁰

⁸⁸ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1998) , *al-Solāh wa Hukmu Tārikhā* , c. 2 . Beirut : Dār Ibn Hazm , h . 31 .

⁸⁹ al-Qurtubī (1993) , *op.cit.* , j. 4 , h . 48 .

⁹⁰ al-Syawkānī (1996) , *op. cit.* , Kitāb al-Solāh . Bāb Qathu Tārik al-Solāh , no. hadith .397.

Berdasarkan kepada hadis ini , para ulama' *menta'wilkan* bahawa seseorang yang meninggalkan solat itu hendaklah dijatuhan hukuman bunuh kerana merujuk kepada perkara - perkara yang berikut ⁹¹ :

1. Orang yang meninggalkan solat adalah berhak mendapat hukuman orang - orang kafir iaitu hukuman bunuh .
2. Perbuatan meninggalkan solat adalah jelas perbuatan orang kafir .
3. Perbuatan meninggalkan solat adalah di antara perkara- perkara yang boleh membawa kepada kerosakan dan kekufuran seseorang .

Selain itu , para *fuqahā'* juga telah mengemukakan dua bentuk pendalilan sebagai hujjah bahawa orang yang tidak mengerjakan solat hendaklah dikenakan hukuman bunuh :

1. Allah S.W.T. memerintahkan kaum muslim agar mereka memerangi kaum musyrikin iaitu dengan cara membunuh mereka sehingga mereka mengerjakan solat . Ini menunjukkan bahawa hukuman yang setimpal ke atas mereka ialah hukuman bunuh .
2. Kata- kata Nabi yang berbunyi *illā bihaqqihā* yang bererti melainkan dengan haknya menunjukkan bahawa martabat solat adalah lebih tinggi daripada semua perkara dan soal- soal hidup yang lain. Sementara dalam hadis-hadis yang lain , para ulama' mengemukakan *wajh al-istidlāl* bahawa Allah S.W.T memerintahkan Baginda S. A.W. supaya memerangi orang- orang kafir

⁹¹ Qahtān 'Abd al- Rahmān al-Dūrī (1999) , *Safwah al-Ahkām min Nayl al - Awtār* , c.1. An-nāmān Dār al-Furqān li al-Nasyr wa al-Tawzī' , h. 64 .

adalah di antara lain supaya mereka mendirikan solat . Hal ini menunjukkan bahawa mendirikan solat adalah di antara perkara- perkara yang boleh memelihara darah seseorang selain dari mereka melafazkan Syahadah dan mengeluarkan zakat⁹².

Kedua ; al-Imām Abū Hanīfah , Jumhūr ulama' Kūfah dan al-Imām Muzannī dari Mazhab Syāfi'ī perpendapat bahawa hukuman yang dikenakan ke atas orang yang meninggalkan solat dengan sengaja ialah hukuman ta'zir iaitu mereka tidak dibunuh sebaliknya mereka dikurung di dalam penjara sehingga mereka mahu mengerjakan solat . Mereka telah mengemukakan dalil yang berikut :

Rasulullah S.A.W. bersabda ;

لَا يَحِلُّ ذمُّ امْرِيٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِإِحْدَى ثَلَاثٍ : الْفَيْبُ الرَّائِنِ ، وَالنَّفْسُ بِالنَّفْسِ ، وَالثَّارِكُ

لِدِينِهِ الْفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ

" Rasulullah S.A.W. bersabda : tiada halal ditumpahkan darah seseorang muslim yang mengaku bahawa tak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawa aku utusan-Nya , sebelum dia mengerjakan salah satu dari sebab- sebab ini ; berzina , padahal dia beristeri (atau bersuami) , membunuh orang , meninggalkan agama dan menentang jemaah . "⁹³

⁹² Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1998) , op. cit. , h. 34 .

⁹³ al-Imām Muslim (1995) , op. cit. , Kitāb al-Qasāmah wa al-Muhāribīn wa al-Qisās wa al-Diyāt , Bāb Mā Yubahu bihi Dammu al-Muslim , no. hadith 1676

Hadis ini memberi keterangan bahawa darah seseorang tidak halal melainkan kepada tiga golongan iaitu seseorang janda (*muhsan*) yang berzina , seseorang yang membunuh jiwa yang tidak berdosa dan seseorang yang meninggalkan agamanya . Di antara tiga golongan ini , tidak disebutkan di antara mereka orang – orang yang meninggalkan solat . Dengan ini , dapat difahami bahawa orang yang meninggalkan solat itu tidak dikenakan hukuman bunuh ⁹⁴.

Kesimpulan :

Berdasarkan kepada penelitian penulis terhadap pendapat – pendapat yang telah dikemukakan oleh para *fuqahā'* di atas , penulis berpendapat bahawa hukuman yang paling sesuai dikenakan ke atas orang yang meninggalkan solat dengan sengaja ialah hukuman ta'zir seperti yang dikemukakan oleh al-Imām Abū Hanīfah . Kewajaran menerima pendapat ini adalah berdasarkan kepada konsep hukuman ta'zir yang memberi mandat sepenuhnya kepada pihak hakim atau pemerintah Islam untuk memilih mana – mana bentuk hukuman yang patut dan sesuai tanpa gangguan dari mana – mana pihak dengan matlamat orang yang meninggalkan solat akan kembali semula mengerjakan solat .

Di samping itu , hukuman ta' zir juga membenarkan para hakim untuk mensabitkan kesalahan seseorang tanpa perlu merujuk kepada keterangan saksi atau pengakuan orang – orang yang bersalah atau dengan sumpah bahkan hakim

⁹⁴ Qahtān 'Abd al- Rahmān al-Dūrī (1999) , *op.cit.*, h.65 .

sendiri boleh mensabitkan kesalahan orang yang bersalah dengan melakukan pemeriksaan sendiri bahawa orang yang dituduh dan yang didakwa adalah dari pihak yang bersalah. Oleh yang demikian , dalam kes menjatuhkan hukuman ta'zir ke atas orang yang meninggalkan solat fardu dengan sengaja hakim boleh menggunakan budibicaranya sepenuhnya sama ada memberi kemaafan atau meringankan hukumannya jika menurut pertimbangan pihak hakim bahawa tindakannya itu boleh memberi kebaikan dan manfaat.⁹⁵

3.9.4. Kaedah menjalankan hukuman bunuh terhadap orang yang meninggalkan Solat dengan sengaja .

Meskipun para ulama' Syāfi'i dan Mālikī berittifaq bahawa hukuman yang paling sesuai ke atas orang yang yang meninggalkan solat ialah hukuman bunuh namun mereka telah berselisih pendapat di dalam menentukan kaedah dan cara - cara menjalankan hukuman .

Dalam membincangkan permasalahan ini , terdapat tiga pendapat di kalangan ulama' Syāfi'i dan Mālikī tentang kaedah- kaedah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas seseorang yang meninggalkan solat . Berikut dijelaskan pendapat para mereka sebagaimana berikut :

1. Sesetengah ulama' Syāfi'i berpendapat bahawa kaedah yang paling baik untuk menjatuhkan hukuman bunuh ke atas orang – orang yang

⁹⁵ Sa'id Haji Ibrahim (1996) , *Qānum Jenayah Syariah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam berdasarkan Quran dan Hadis* , c.1 . Kuala Lumpur : Dār al-Ma'rifah , h. 274 .

meninggalkan solat ialah memukul mereka dengan menggunakan kayu sehingga mereka mengerjakan solat atau mereka menemui kematian.⁹⁶

2. Ibn Surayj mencadangkan bahawa bentuk hukuman bunuh yang paling sesuai ke atas orang - orang yang meninggalkan solat ialah dengan mencucuk tubuh mereka dengan menggunakan pedang sehingga mereka menemui ajal⁹⁷.

3. Sebahagian besar ulama' berpendapat bahawa hukuman bunuh yang paling sesuai ialah dengan menggunakan pedang iaitu dengan cara memukul di leher orang- orang yang meninggalkan solat⁹⁸. Menurut mereka , hukuman seumpama ini adalah berdasarkan kepada hadis yang berbunyi :

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ فِي كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَاتَلْتُمْ فَأَخْسِنُوا الْقَتْلَةَ.

“ Sesungguhnya Allah S.W.T. telah mencatat kebaikan ke atas sesuatu , oleh itu apabila kamu melakukan pembunuhan maka perelokanlah cara bunuh kamu itu.”⁹⁹

Kesimpulan :

Berdasarkan kepada pendapat *fuqahā'* tentang kaedah dan cara - cara menjalankan hukuman bunuh ke atas orang – orang yang meninggalkan solat , penulis berpendapat bahawa kaedah menjatuhkan hukuman bunuh menurut cara yang paling baik ialah seperti yang dikemukakan oleh jumurh ulama iaitu

⁹⁶ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1998) , *op. cit .*, h. 30

⁹⁷ *Ibid.*,h.30.

⁹⁸ al-Imām al-Dhababī (1995) , *op.cit.*, h. 43 .

⁹⁹ al-Imām Muslim (1995) , *op. cit .* , Kitāb al-Sayd wa al-Dhabā'ih wama yu'kalu min al-Hayawān , Bāb al-Amr bi'ihsān al-Dhibhi wa al-Qatli wa Tahdīd al-Syūrah , no. hadith 1955 .

hukuman bunuh dilaksanakan dengan menggunakan pedang . Ini kerana kaedah pembunuhan menurut kaedah ini dianggap sebagai sebaik- baik cara pembunuhan kerana ia lebih cepat menghilangkan nyawa seseorang berbanding dengan kaedah- kaedah yang lain . Oleh kerana itu , Allah S.W.T. memerintahkan pihak pemerintah Islam agar mereka menjatuhkan hukuman bunuh ke atas orang- orang Islam yang murtad dengan cara ini.

3.9.5. Peringkat – peringkat pelaksanaan hukuman terhadap orang – orang yang meninggalkan Solat .

Adalah patut dijelaskan di sini bahawa para *fugahā'* apabila mereka telah memutuskan bentuk – bentuk hukuman yang tertentu ke atas seseorang yang meninggalkan solat , maka hukuman tersebut tidaklah dilaksanakan secara serta merta bahkan sebelum itu para *fugahā'* menetapkan terlebih dahulu beberapa prosedur yang perlu dipatuhi oleh pihak pemerintah Islam seperti mengambil kira bilangan dan kekerapan solat yang ditinggalkan agar hukuman yang hendak dijalankan itu dapat memberi pengajaran yang sewajarnya kepada masyarakat sekeliling .

Pada umumnya , para ulama' menetapkan bahawa seseorang yang meninggal solat hendaklah diberi ajaran dan dakwah terlebih dahulu sebelum ia dikenakan apa – apa tindakan dan hukuman agar dia merasa insaf untuk mengerjakan semula solat – solat yang ditinggalkan .

Akan tetapi , di dalam kes dan permasalahan orang - orang yang meninggalkan solat , para ulama' telah berselisih pendapat di kalangan mereka sama ada orang yang meninggalkan solat itu terus dijatuhan hukuman bunuh atau diminta supaya mereka bertaubat terlebih dahulu .

Menurut pendapat yang *masyhūr* , seseorang yang meninggalkan solat hendaklah diminta supaya bertaubat terlebih dahulu iaitu sekiranya dia bertaubat dia dilepaskan tetapi jika dia ingkar dia hendaklah dikenakan hukuman . Ini merupakan pendapat al-Imām al-Syāfi'I , al-Imām Ahmad dan merupakan salah satu daripada pendapat al-Imām Mālik . al-Imām Hādawiyyah pula menambah hukum mengerjakan taubat ini adalah wajib ke atas seseorang Islam yang meninggalkan solat¹⁰⁰ .

Di samping itu , para ulama' berpendapat bahawa tempoh masa yang diberikan agar seseorang itu bertaubat adalah selama tiga hari . Sekiranya dia tidak juga bertaubat dalam tempoh masa yang diberikan itu maka berhaklah dia dijatuhan hukuman bunuh sebagaimana hukuman yang dikenakan ke atas orang – orang Islam yang murtad

Namun , para ulama' berselisih pendapat tentang bilangan serta kekerapan solat yang ditinggalkan . Dalam menjelaskan permasalahan ini terdapat beberapa pandangan ulama' yang dapat dinyatakan sebagaimana berikut :

¹⁰⁰ al-Syawkānī (1996) , *op.cit.*, j. 3 , h. 383 .

1. Para ulama' di kalangan sahabat , tabein berpendapat bahawa seseorang itu dijatuhan hukuman bunuh apabila dia meninggalkan walaupun hanya satu kali solat dengan sengaja sehingga terluput waktunya tanpa uzur yang diharuskan oleh Syāra'.¹⁰¹
2. al-Imām al-Nawawī mengemukakan beberapa *qawl* di kalangan *fugahā'* dalam hal menjatuhkan hukuman bunuh terhadap seseorang yang meninggal solat . Menurut pendapat yang *sahīh* ; seseorang itu dijatuhan hukuman bunuh sekiranya dia meninggalkan sekurang- kurangnya satu kali solat iaitu apabila dia meluputkan waktunya . Kedua ; Apabila dia meninggalkan empat kali solat berturut- turut . Ketiga ; Apabila dia meninggalkan solat sekadar meringan- ringankannya . Pendapat yang dipilih di sisi Mazhab Syāfi'I ialah pendapat yang pertama iaitu apabila seseorang itu meninggalkan sekurang- kurang satu kali solat dan luput waktunya ¹⁰².
3. al-Imām Ibn Taymiyyah berpendapat bahawa sesiapa yang diminta supaya bersolat di dalam waktunya lalu dia berkata ; "aku tidak mahu mengerjakan solat " maka wajiblah dia dijatuhan hukuman bunuh sekalipun tidak luput waktunya ¹⁰³.
4. al-Imām Ahmad berpendapat bahawa seseorang yang meninggal solat dijatuhan hukuman bunuh sekiranya dia meninggalkan sekurang- kurangnya tiga kali solat ¹⁰⁴ .

¹⁰¹ al-Qurtubī (1993) , *op. cit.*, j. 8. h. 49 .

¹⁰² al- al-Nawawī (t.t.) , *op.cit.*, j.3. h.668.

¹⁰³ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1998) , *op. cit.*, h.40

¹⁰⁴ *Ibid* .,h.41.

Kesimpulan :

Setelah meneliti pendapat para *fuqahā'* tentang peraturan pelaksanaan hukuman terhadap orang – orang yang meninggalkan solat maka penulis bersetuju dengan pendapat sebahagian para *fuqahā'* yang menyebut bahawa orang yang meninggalkan Solat Fardu hendaklah diberi ajakan dan dakwah terlebih dahulu sebelum dia dikenakan apa - apa tindakan dan hukuman dengan harapan agar seseorang itu merasa insaf dan ingin mengerjakan semula solat – solat Fardu yang telah ditinggalkan sebelum itu .

Di samping itu , pihak pemerintah Islam mestilah menetapkan suatu tempoh yang tertentu untuk memberi peluang kepada seseorang yang meninggalkan solat agar dia bertaubat kepada Allah dan mengerjakan semula solat. Sebagaimana yang dicadangkan oleh sesetengah *fuqahā'* bahawa tempoh masa yang diberikan ialah selama tiga hari tetapi penulis berpendapat tempoh ini tidaklah memadai bahkan perlu dilanjutkan sedikit lagi seperti seminggu atau sebulan dengan harapan orang – orang meninggalkan solat itu dapat membuat suatu keputusan yang munasabah sama ada dia ingin meneruskan solat atau bersedia untuk menerima hukuman .

Dalam aspek menjalankan hukuman pula , pihak pemerintah Islam mestilah mengambil kira bilangan dan kekerapan solat – solat yang ditinggalkan agar hukuman yang hendak dilaksanakan menepati dan seimbang dengan kadar kesalahan orang – orang yang meninggalkan solat .

3.10. Hukum menggantikan Solat

Pada umumnya , *qadā'* dianggap sebagai suatu *wasilah* untuk menggantikan semula solat – solat yang terluput iaitu dengan cara mengerjakan semula solat – solat yang terluput di luar waktunya .

Dari sudut bahasa , *qadā'* bermaksud mengerjakan sesuatu atau mengakhiri sesuatu . Manakala menurut istilah Fiqh ; *qadā'* ialah mengerjakan ibadat sesudah keluar waktunya seperti mengerjakan solat setelah keluar waktunya kerana terdapat keuzuran – keuzuran yang tertentu . Setengah *fuqahā'* berpendapat bahawa *qadā'* diharuskan apabila seseorang tidak berpeluang untuk mengerjakan sekurang- kurangnya satu rakaah atau lebih di dalam satu - satu waktu solat .¹⁰⁵

Menurut pendapat jumhūr *fuqahā'* , hukum mengerjakan *qadā'* adalah wajib ke atas seseorang Islam yang meninggalkan Solat Fardu sama ada secara sengaja atau tidak . Perintah ini adalah bersandarkan¹⁰⁶ kepada sebuah hadis Rasulullah S.A.W. yang berbunyi :

مَنْ نَسِيَ صَلَاةً فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا ، لَا كَفَارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكَ

“ apabila seseorang dari kamu meninggalkan solat kerana terlupa maka hendaklah dia mengerjakan semula solat tersebut apabila dia mengingantinya “ Tidak ada kaffarah (penebus dosa) baginya selain dari itu ”¹⁰⁷

¹⁰⁵ Mustafā al-Bughā et. al, (1996), op. cit ., j.1 , h. 111 .

¹⁰⁶ ibid ., h.112

¹⁰⁷ Abī al-Tayyib (1995), op. cit ., Kitāb al-Solāh , Bāb fi Man Nāma 'an al - Solāh aw Nasīyahā , no. hadith 438.

Berdasarkan kepada keterangan hadis di atas adalah nyata sekali bahawa *qadā'* diperbolehkan sebagai suatu jalan untuk menggantikan semula solat – solat yang terlupakan apabila terdapat keuzuran – keuzuran yang tertentu seperti tertidur atau terlupa . Namun demikian , persoalan yang timbul ialah adakah *qadā'* tersebut diharuskan dalam semua keadaan tanpa mengambil kira sebab – sebab seseorang itu meninggalkan solat sama ada secara sengaja atau tidak ? Untuk menjawab persoalan ini , maka diterangkan di sini sebahagian dari pendapat para *fugahā'* tentang sebab- sebab yang mengharuskan *qadā'* atau tidak sekiranya seseorang itu meninggalkan solat .

Secara khususnya , para *fugahā'* telah membahagikan sebab- sebab yang mengharuskan *qadā'* atau tidak kepada dua kategori iaitu sebab- sebab – sebab yang tidak mengharuskan *qadā'* dan sebab - sebab yang mengharuskan *qadā'* .

Sebab- sebab yang tidak mengharuskan *qadā'* diistilahkan oleh *fugahā'* sebagai keuzuran- keuzuran yang tidak mewajibkan *qadā'* solat . Ia adalah keuzuran- keuzuran seperti haid , nifas , pengsan , gila dan orang murtad yang kembali kepada Islam .Mengenai permasalahan haid dan nifas , para ulama' telah *berittifaq* bahawa seseorang wanita Islam yang didatangi haid atau nifas mereka tidak diwajibkan menghadakan semula solat – solat yang terlupakan semasa haid dan nifas itu¹⁰⁸ .

¹⁰⁸ al - Nawawī (t.t.) , *op.cit.*, j. 3 , h. 10.

Sebaliknya , keuzuran – keuzuran seperti pengsan , gila dan orang murtad yang kembali semula kepada Islam , maka para *fugahā'* telah berbeza pendapat di dalam menentukan hukum *qadā'* terhadap mereka . Menurut pendapat mazhab Mālikī dan Hanafī , orang murtad yang kembali kepada Islam hukumnya adalah sama dengan orang kafir asli iaitu mereka tidak diwajibkan menggantikan semula solat – solat yang terluput . Namun menurut Mazhab Syāfe'ī orang murtad tetap diwajibkan menggantikan semula solat – solat yang terluput kerana kewajipan Solat Fardu tidak gugur terhadap diri mereka .Mazhab Hanbalī pula berpendapat seseorang yang pengsan harus menggantikan semula solat sekiranya dia sedar dan sekira – kira waktu solat yang masih ada mengizinkannya untuk melakukan *Takbiratu al-Ihrām* .¹⁰⁹

Adapun sebab- sebab yang mewajibkan *qadā'* solat ialah keuzuran – keuzuran yang dianggap oleh Syāra' sebagai sebab – sebab yang mewajibkan seseorang menggantikan semula solat setelah hilangnya keuzuran tersebut . Ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu keuzuran yang diharuskan oleh Syāra' dan keuzuran yang tidak diharuskan oleh Syāra' .

Menurut pendapat ulama' , seseorang yang meninggalkan solat kerana wujud sebab- sebab yang diharuskan oleh Syāra' seperti terlupa atau tertidur maka tidak berdosa ke atas dirinya meninggalkan solat tersebut dan tidak wajib ke atas dirinya menyegerakan *qadā'* tersebut . Di samping itu , al-Imām al-Nawawī menambah bahawa waktu *qadā'* terhadap mereka ini

¹⁰⁹ Abd al- Rahmān al-Jazīrī (t.t.) , op. cit . , j. 1. h. 445 .

adalah *muwassa'*¹¹⁰. Dalil yang mewajibkan *qadā'* terhadap mereka ini adalah sebagaimana yang terkandung di dalam hadis yang berikut :

مَنْ تَسِيَّ صَلَاةً قَلِيقَلْ إِذَا ذَكَرَهَا، لَا كَفَارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكَ، فَإِنَّ اللَّهَ يَقُولُ : وَأَقِمِ
الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

“apabila seseorang dari kamu terlupa untuk mengerjakan solat, hendaklah dia mengerjakan semula solat itu apabila dia teringat, tidak ada baginya penebus kerana Allah berfirman; dirikanlah solat untuk mengingati Aku”¹¹¹

Sebaliknya , jika seseorang meninggalkan solat dengan sebab- sebab yang tidak diharuskan oleh Syāra' seperti seseorang meninggal solat dengan sebab malas , menangguh- nangguhkan solat sehingga terluput waktunya maka para ulama' telah berselisih pendapat di dalam menentukan hukum *qadā'* terhadap mereka ini ; adakah *qadā'* tersebut diterima atau tidak ?

Menurut pendapat al- Imām Abū Hanīfah , al-Syāfi‘ī , al-Imām Ahmad dan al - Imām Mālik bahawa wajib ke atas orang tersebut menggantikan semula solat yang terluput tetapi *qadā'*nya itu sama sekali tidak boleh menggugurkan dosa meluputkan waktu solat dengan sengaja bahkan mereka tetap berhak mendapat seksaan Allah Taala di akhirat kelak¹¹² .

¹¹⁰ al-Nawawī (t.t.) , *op. cit.*, h. 667.

¹¹¹ al-Hāfiẓ Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī (1989), *Fath al-Bārī Syarh Sahīh al-Bukhārī* . Kitāb Mawāqīt al-Solāh . Bāb man nasiya Solātan , no. hadith. 597.

¹¹² Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1998) , *op.cit.*, h. 93.

Menurut pendapat sebahagian ulama' salaf dan khalaf pula ; seseorang yang meluputkan solat dengan sengaja maka jika dia menggantikan semula solat-solat tersebut maka *qadā'* tersebut adalah sama sekali tidak diterima . Justeru , al-Imām Ibn Taymiyyah dan al-Imām Ibn Hazm berpendapat orang yang meninggalkan solat dengan sengaja itu tidak wajib menggantikan semula solat sebaliknya mereka hendaklah bertaubat , memperbanyakkan istighfar serta banyak mengerjakan perbuatan taat sehingga Allah S.W.T. menerima taubat dan istighfar mereka . Mereka telah berhujah dengan nas yang berikut¹¹³

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ حَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْرَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيَّباً

"Kemudian mereka digantikan oleh keturunan- keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat) ; Maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka)."

Maryam (19) : 59

Kesimpulan :

Berdasarkan kepada pendapat para *fuqahā'* di atas , dapatlah dirumuskan bahawa para *fuqahā'* telah berbeza pendapat di dalam menentukan hukum *qadā'* terhadap seseorang Islam yang meninggalkan Solat Fardu dengan sengaja . Secara umumnya , pendapat- pendapat mereka dapat dibahagikan kepada dua mazhab iaitu satu golongan yang memperbolehkan *qadā'* manakala satu golongan yang lain tidak memperbolehkan *qadā'* .

¹¹³ Ahmad al-Syarbāī (1995) , *Yas'ahūnaka fī al-Dīn wa al-Hayāh* , j.1. c.1. Beirut : Dār al-Jayl , h. 107 .

Dalam menjelaskan permasalahan ini , penulis bersetuju dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh al- Imām Abū Hanīfah , al-Imām al-Syāfi'ī , al-Imām Ahmad dan al - Imām Mālik bahawa seseorang yang meninggalkan solat dengan sengaja hendaklah menggantikan semula solat-solat yang terluput . Pendapat ini turut diperakui oleh al-Imām al-Nawawī bahawa orang yang meninggal solat dengan sengaja wajib menggantikan solat yang terluput ¹¹⁴. Kewajipan menggantikan semula solat- ini adalah berdasarkan kepada keterangan hadis Rasulullah S.A.W. yang mewajibkan *qadā'* terhadap orang yang tertidur atau terlupa .Justeru , secara *mafhumnya* orang yang meninggalkan solat dengan sengaja lebih patut lagi untuk menggantikan semula solat – solat yang terluput berbanding orang – orang yang meninggalkan solat secara terlupa atau tertidur.

Selain itu , seseorang yang meninggalkan solat hendaklah segera bertaubat kepada Allah serta ia merasa bersalah di atas keterlanjurannya meninggalkan Solat Fardu agar *qadā'* yang dikerjakannya itu akan dapat memberi kebaikan kepada dirinya serta diterima di sisi Allah Ta'ala .

¹¹⁴ al – Imām al-Nawawī (t . t .) , *op. cit* . , j 3 , h . 76 .